

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2018

**HARI SELASA : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN NO: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
(PETALING JAYA)**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN : 1**

**YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis masa bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) serta langkah-langkah bagi memastikan IPCMC benar-benar bebas dan mempunyai kuasa untuk menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan undang-undang dan bukan sekadar memberi syor-syor tatatertib seperti EAIC kini.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan isu IPCMC ini seperti berikut:

Soalan No 31 bertarikh 15 November 2018 soalan dari Pengerang.  
Soalan No 21 bertarikh 21 November 2018 soalan dari Kepong.  
Soalan No 12 bertarikh 21 November 2018 soalan dari Kota Bharu.

YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada 21 September 2018 yang lalu telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis/Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) bagi menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan/Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) selaras dengan janji 20 : Manifesto Buku Harapan bagi menangani isu-isu integrity dan menyiasat salah laku dalam kalangan anggota PDRM. Pada mesyuarat susulan, syor-syor tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui bagi memastikan IPCMC benar-benar bebas, efektif dan mempunyai kuasa untuk menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan.

Kerangka penubuhan IPCMC ini mengambil kira kuasa-kuasa yang lebih holistik dan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuatkuasa.

Untuk makluman semua Ahli yang Berhormat, RUU IPCMC ini dijangka akan dibentangkan pada siding Parlimen yang akan datang setelah semua isu dan perkara dasar dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 2**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan  
maut yang melibatkan pemandu mabuk.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2017, Malaysia merekodkan sebanyak 553,875 kemalangan jalan raya yang melibatkan 6740 kematian. Jumlah kemalangan dan statistik kematian ini tidak banyak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Kementerian Pengangkutan memandang serius perkara ini dan sedang meneliti punca utama kemalangan dan yang menyebabkan kematian. Ini adalah juga iltizam saya semasa dilantik menjadi Menteri Pengangkutan. Antara penyebab kemalangan dan kematian yang sedang diteliti ialah pemanduan di bawah pengaruh, sama ada alkohol mahupun dadah.
2. Merujuk Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2017 bilangan pemandu kenderaan dan penunggang motosikal yang terlibat dalam kemalangan jalan raya dan diuji positif alkohol adalah seramai 212 orang berbanding 461 orang pada tahun 2016. Daripada bilangan ini, bilangan pemandu dan penunggang di bawah pengaruh alkohol yang terlibat dalam kemalangan maut pada tahun 2017 adalah 58 orang berbanding 237 orang pada tahun 2016.
3. Statistik bagi kemalangan di bawah pengaruh dadah pada tahun 2017 adalah melibatkan 5 orang berbanding 6 orang pada tahun 2016 dan jumlah yang terlibat dalam kemalangan maut adalah seorang berbanding 2 orang pada tahun 2016.
4. Sememangnya terdapat peruntukan-peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah Seksyen 44 yang merujuk khusus kepada pemanduan di bawah pengaruh minuman yang memabukkan dan dadah dan Seksyen 45A yang merujuk kepada kepekatan alkohol yang melebihi daripada had yang ditetapkan. Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, selain Seksyen 44 dan 45A yang merujuk kepada kemalangan biasa dan kemalangan yang melibatkan kematian, di bawah Kaedah Kaedah Pengangkutan Jalan Mata Demerit (2017), memandu atau menjaga

**NO. SOALAN: 2**

Kenderaan Motor dengan kepekatan alkohol melebihi paras yang dibenarkan dan memandu atau menjaga Kenderaan Motor di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah akan dikenakan sebanyak 10 mata demerit.

**JADUAL/ STATISTIK****MENGIKUT JENIS KESALAHAN : ALKOHOL (DIUJI POSITIF KERANA MELEBIHI PARAS DIBENARKAN IAITU 100MG)**

TAHUN	BILANGAN PEMANDU/PENUNGGANG TERLIBAT MENGIKUT JENIS KEMALANGAN			JUMLAH
	MAUT	PARAH	RINGAN	
2010	49	3	31	110
2011	33	23	35	91
2012	136	50	60	246
2013	207	47	73	327
2014	193	56	84	333
2015	229	95	96	420
2016	237	113	111	461
2017	58	81	73	212

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**RUJUKAN : 11097**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal Prosedur Operasi Standard (SOP) yang spesifik bagi penahanan dan pengendalian suspek dari golongan istimewa yang termasuk golongan autistik dan sekiranya ya, apakah perlindungan yang dicadangkan bagi golongan istimewa sebegini dalam keadaan tersebut.



**JAWAPAN:**

Tuan Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah pun mempunyai *Standard Operation Procedure (SOP)* bagi urusan tangkapan dan menghadapi orang-orang yang kena tuduh seperti mana yang digariskan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Bahagian D204. Di antara inti pati Perintah tersebut menjelaskan tentang kuasa-kuasa menangkap, bagaimana tangkapan dilakukan, tindakan selepas tangkapan, Bon Jaminan Polis dan prosedur membebaskan tangkapan.

Namun demikian dalam perintah tersebut tidak diperincikan secara khusus urusan pengendalian suspek daripada golongan orang kurang upaya (OKU) dan kategori golongan istimewa yang lain. PDRM menerima baik cadangan ini dan akan membuat penambahbaikan dalam SOP tersebut dalam tempoh yang terdekat ini. Antara perkara yang akan dibuat kajian dan dimasukkan dalam perintah tersebut berkaitan pengendalian golongan istimewa ini meliputi penyediaan bilik khas untuk proses dokumentasi, jaminan polis, laporan perubatan, pembebasan dan perkara-perkara lain yang perlu dimasukkan dalam perintah tersebut.

Di samping penambahbaikan terhadap SOP tersebut, latihan kepada anggota PDRM akan turut dirancang bagi mengendalikan kes seumpama ini. Sebagai tambahan, untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor, Kementerian Dalam Negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta beberapa NGO yang berkaitan dengan golongan istimewa ini untuk memperhalus SOP yang sedia ada bagi memastikan prosedur penguatkuasaan sentiasa peka terhadap keperluan OKU. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga telah menzahirkan tentang perlunya beberapa SOP dalam PDRM dikaji dan diperhalusi. Oleh yang demikian, satu mesyuarat bersama pemegang taruh ataupun *stakeholders*, dengan izin, akan diadakan dalam jangka masa terdekat bagi membolehkan SOP baharu ini

disediakan. KDN komited bagi menjamin kesejahteraan semua pihak dan kami mengakui terdapat cabaran baharu dalam menangani kes-kes terbaru seperti yang dilaporkan berlaku di USJ Subang Jaya baru-baru ini yang melibatkan seorang individu autisme. Memang terdapat keperluan untuk satu SOP khas bukan sahaja untuk pihak Polis Diraja Malaysia tetapi juga melibatkan pihak Jabatan Imigresen dan semua penjawat awam ataupun *service providers*. Sehingga kini, walaupun bilangan OKU autisme yang berdaftar dengan JKM hanya sekitar 20,000 orang, namun berdasarkan kenyataan *National Autism Society of Malaysia* (NASOM), hampir satu peratus daripada penduduk Malaysia adalah mereka yang mengalami autisme. Ini bermaksud hampir 300,000 OKU autisme mungkin wujud dalam negara tetapi ramai yang masih belum mendaftar. Ini tidak termasuk OKU di bawah kategori lain. Oleh itu, kita boleh harapkan pada masa akan datang lebih ramai lagi OKU yang akan tampil mendaftar. Ini kerana keperluan dalam menangani isu berkaitan OKU pasti akan meningkat. Maka SOP dalam pengendalian dan pengurusan OKU yang terlibat dalam jenayah adalah sangat penting dan perlu diwujudkan segera atau sekurang-kurangnya perlu penambahbaikan SOP yang sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ RAHIM**  
**[BALING]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 4**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ RAHIM [ BALING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan harga minyak RON 95 dan RON 97 dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan janji Kerajaan dalam Buku Harapan iaitu untuk menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar, Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk mengekalkan harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing pada paras RM2.20 seliter dan RM2.18 seliter mulai 7 Jun 2018, walaupun harga sebenar di pasaran telah meningkat selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia. Perbezaan di antara harga runcit yang dikekalkan dengan harga sebenar pasaran yang semakin meningkat telah ditampung oleh subsidi yang tinggi daripada Kerajaan. Sebagai contoh, harga sebenar pasaran bagi bulan Oktober 2018 adalah sebanyak RM2.65 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.66 seliter bagi diesel. Ini menyebabkan tanggungan subsidi Kerajaan meningkat kepada 45 sen seliter bagi RON95 dan 48 sen seliter bagi diesel.

Bagi petrol RON97, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah membuat keputusan supaya harga runcit petrol RON97 diapungkan semula secara terkawal (*managed float*) mulai 7 Jun 2018 memandangkan ia adalah produk premium yang tidak diberi subsidi. Penetapan harga runcit petrol RON97 pada masa ini dibuat secara bulanan mengikut trend harga minyak mentah dunia.

Pada masa akan datang, Kerajaan akan melaksanakan sistem subsidi petrol secara bersasar dengan memberi subsidi kepada pemilik sebuah kereta sahaja yang berkapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah atau motosikal berkapasiti enjin 125cc dan ke bawah seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018. Setelah menerima maklum balas mengenai cadangan ini, Kerajaan sedang mengkaji dan memperhalusi mekanisme terperinci supaya pelaksanaan subsidi bersasar ini bukan sahaja mengambil kira kapasiti enjin kereta tetapi juga model kereta. Dengan kata lain, sekiranya ada kereta mewah yang berkapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah, mereka tetap tidak akan layak untuk menerima subsidi bersasar kerana Kerajaan juga akan melihat dari segi model atau jenis kereta. Contohnya, kereta

#### **NO SOALAN : 4**

mewah seperti Mercedes, BMW, Land Rover, Audi atau Volkswagen yang berkapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah tidak akan menikmati subsidi petrol bersasar ini. Maka tidak timbul isu bahawa kereta mewah juga akan menikmati subsidi petrol bersasar.

Melalui sistem subsidi petrol ini, Kerajaan akan memberi subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter bagi motosikal. Mekanisme baharu ini dijangka akan bermula pada suku kedua 2019. RM2 bilion telah diperuntukkan dan dijangka dapat memanfaatkan seramai 4 juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal.

Harga minyak mentah sekarang adalah kira-kira USD69 setong (Brent). Harga jualan runcit RON97 sekarang adalah RM2.53 seliter di mana RON97 adalah petrol premium yang tidak akan menerima subsidi bersasar. Harga RON95 mengikut harga sebenar pasaran sekarang adalah RM2.43 seliter manakala harga diesel adalah RM2.34 seliter. Ini berbanding dengan harga jualan runcit sebanyak RM2.20 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel.

Bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber di samping membendung ketirisan berikutan perbezaan harga minyak, penyeludupan rentas sempadan dan juga masalah serius pembelian diesel di stesen pam minyak oleh industri-industri, Kerajaan akan mengapungkan semula harga petrol RON95 di pasaran berdasarkan *Automatic Price Mechanism* (APM). Kerajaan juga akan mengkaji keperluan untuk melaksanakan sistem yang serupa untuk penjualan diesel di stesen pam minyak supaya ia boleh digunakan oleh rakyat biasa dan bukan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Noor Amin Bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes perceraian direkodkan oleh pasangan di bawah usia perkahwinan 5 tahun mengikut negeri, punca-punca utama yang dikenal pasti mendorong penceraian dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangani permasalahan ini.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang diterima daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), jumlah penceraian di bawah usia perkahwinan lima (5) tahun **bagi Orang Islam** di Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah sebanyak 2,932 kes bagi tempoh 2013 hingga 2017. Untuk makluman, jumlah kes perceraian dari negeri-negeri lain masih di peringkat pengumpulan dan akan dimaklumkan kelak.

**Bagi Orang Bukan Islam** pula, statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan sebanyak 14,440 kes penceraian di bawah usia perkahwinan lima (5) tahun direkodkan bagi tempoh 2013 hingga 2017. Dalam tempoh berkenaan, negeri Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu dengan 2,860 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,721 kes) dan Selangor (1,858 kes).

## **Tempoh Lima Tahun Pertama Perkahwinan Adalah Paling Mencabar**

Merujuk kepada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang telah dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014, lebih satu pertiga perkahwinan pertama yang berakhir dengan penceraian atau perpisahan berlaku dalam tempoh lima (5) tahun pertama usia perkahwinan. Antara **punca-punca utama** berlakunya penceraian pada perkahwinan pertama **bagi lelaki** ialah kerana tiada persefahaman (56.2%), isteri curang (11.8%), dan campur tangan mentua atau ipar-duai (10.0%). Manakala **bagi wanita** pula, sebanyak 38.0 peratus wanita turut menyatakan punca utama penceraian adalah kerana tiada persefahaman, diikuti dengan suami curang sebanyak 20.5 peratus dan suami tidak bertanggungjawab sebanyak 15.2 peratus. Mengikut satu laporan yang telah dilaporkan di dalam *Free Malaysia Today* (FMT) yang ini memetik daripada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, banyak kes-kes perceraian yang remeh melibatkan pasangan muda. Antara sebab-sebab yang mereka memfailkan penceraian adalah isteri suka mengikuti rombongan beramai-ramai, isteri suka membasuh baju pada waktu malam, suami tidak suka isteri makan di dalam kereta, perbezaan fahaman politik, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdengkur dan pasangan gemar membeli belah. Saya membaca sebab-sebab ini kerana saya hendak menunjukkan bahawa



faktor penceraian sekarang sangat serius kerana perkara-perkara remeh digunakan sebagai sebab untuk fail permohonan penceraian.

### **Langkah Yang Diambil Pihak Kerajaan**

Bagi terus memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia, Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program-program pra dan pasca perkahwinan khusus untuk menyediakan asas kukuh dalam membina sebuah keluarga bahagia terutama kepada pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin.

Antara program **Pra Perkahwinan** yang dijalankan LPPKN adalah:

#### **(i) Program Pra Perkahwinan SMARTSTART:**

Program ini bertujuan untuk memberi Pendidikan Kekeluargaan kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga dan juga pasangan yang berkahwin kurang daripada lima (5) tahun.

#### **(ii) Program SMARTBelanja@LPPKN:**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pasangan dalam membuat perancangan dan mengamalkan pengurusan kewangan secara bijak dan berhemah.

LPPKN juga turut melaksanakan program dan menyediakan perkhidmatan

**Pasca perkahwinan** buat pasangan yang telah berkahwin seperti berikut:

**(i) Perkhidmatan Kaunseling Kekeluargaan:**

Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan yang diselenggarakan oleh Unit Kaunseling LPPKN merupakan salah satu usaha Kementerian bagi membantu pasangan suami isteri dalam menguruskan tekanan, konflik dan masalah yang wujud dalam perkahwinan.

**(ii) Program SMARTSTART *2nd Honeymoon*:**

Program ini disasarkan kepada pasangan suami isteri yang telah berkahwin lebih daripada lima tahun dan kebanyakan terdiri daripada pasangan yang dirujuk oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara.

**(iii) Program Parenting@Work:**

Program ini bertujuan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai pentingnya mengimbangi peranan sebagai ibu bapa dan pekerja serta memberi kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan bagi menghadapi kitaran hidup berkeluarga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ] – PRS**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 6**

PR-1412-L02023

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pendekatan pihak Kementerian untuk membina menara-menara komunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi memperluaskan liputan jalur lebar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.
2. Bagi memastikan kemudahan jalur lebar dapat dinikmati secara meluas oleh pengguna di kawasan luar bandar, Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambahbaik infrastruktur komunikasi melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP).

## SOALAN NO: 6

3. Melalui program USP, menara-menara baharu dibina di samping kerja-kerja penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G/4G terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang dijalankan secara berperingkat.
4. Di bawah inisiatif ini, sebanyak 15 menara komunikasi telah dibina dan beroperasi di Parlimen Hulu Rajang. Selain itu, sebanyak 27 menara telah dinaiktaraf manakala 2 menara lagi sedang dalam peringkat penaiktarafan di Parlimen Hulu Rajang yang dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama 2019.
5. Selain itu, terdapat 10 menara komunikasi yang dibina secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Hulu Rajang.
6. Pihak Kerajaan sentiasa mempertimbangkan pembinaan menara baharu bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan komunikasi di Parlimen Hulu Rajang. Kerajaan sentiasa bersedia untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan telekomunikasi kepada rakyat terutamanya di kawasan pedalaman tertakluk kepada ketersediaan bekalan kuasa elektrik diperlukan di kawasan-kawasan tersebut bagi pengoperasian sesebuah menara telekomunikasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ KAMPAR ]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan status kelulusan dan pembinaan tiga buah hospital baharu di Perak iaitu Hospital Daerah Seri Iskandar, Hospital Daerah Parit Buntar dan Hospital Bandar Baru Kampar yang diumumkan oleh Kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) RP4 dengan kos RM120 juta. Projek ini akan menggunakan Pelan Piawai (PAP) berdasarkan rekabentuk Hospital Parit Buntar (76 katil). Projek ini dicadangkan dibina di mukim Bandar Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak.

Projek ini telah melalui Bengkel Pengurusan Nilai yang merangkumi *Value Assessment* (VA) dan *Value Engineering* (VE) yang telah selesai pada 15 Mei 2018. Pada masa ini pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses mengemukakan justifikasi dan permohonan kelulusan kos berdasarkan keputusan VE berkenaan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Proses perolehan tender akan dilaksanakan setelah kos projek ini diluluskan.

Bagi Hospital Parit Buntar, Perak (76 katil), projek ini telah ditender pada **14 Ogos 2017** dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada **06 Disember 2017**. Projek ini telah memulakan pembinaan pada **02 Januari 2018** dan projek dijangka siap pada **28 Disember 2020**. Kemajuan fizikal projek ini sehingga 25 September 2018 adalah sebanyak 10.30% sebenar berbanding 14.40% jadual dengan kelewatan 4.1% (25 hari).

**Yang di-Pertua,**

Bagi projek pembinaan Hospital Kampar, Perak pada asalnya telah diputuskan untuk dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta oleh Jemaah Menteri pada 30 Mei 2012. Antara skop bagi Projek pembinaan Hospital Kampar, Perak ini adalah pembinaan sebuah hospital gantian berkapasiti 150 katil.

## **NO SOALAN: 7**

Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mac 2014 telah memutuskan pembatalan pelaksanaan projek Hospital Kampar ini secara Kerjasama Awam-Swasta dan Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya pelaksanaan projek Hospital Kampar ini dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia, tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

Cadangan projek pembinaan Hospital Kampar, Perak merupakan projek yang telah dikenalpasti oleh Kementerian ini untuk dibangunkan dalam projek Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) di mana pihak Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU) telah meluluskan pelaksanaan Hospital Kampar, Perak (Kerja Awalan) di bawah Rolling Plan Ke empat (RP4), Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) (2015).

Borang Permulaan Pelaksanaan Projek (BPPP) bagi pelaksanaan Hospital Kampar, Perak (Kerja Awalan) telah dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia pada 30 Jun 2015 dengan skop projek yang meliputi kerja-kerja awalan dan kerja-kerja perancangan serta kerja-kerja tanah yang berkaitan. Pihak Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya juga telah mengadakan lawatan tapak bagi projek berkenaan pada 5 Ogos 2015.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memutuskan bahawa Projek Cadangan Pembinaan Hospital Kampar, Perak ditangguhkan buat masa ini, atas sebab-sebab berikut:

- i) Terdapat cadangan pembinaan Hospital Swasta di Kampar Perak di bawah kendalian Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), jika projek berkenaan telah mendapat kelulusan dan beroperasi terlebih dahulu (dijangka beroperasi dalam tahun 2021), maka projek Hospital Kampar tidak dipertimbangkan untuk dilaksanakan memandangkan tiada keperluan untuk membangunkan dua Hospital dalam kawasan yang sama dan berdekatan (lebih kurang 4km); dan

## NO SOALAN: 7

- ii) Projek Hospital Kampar berkapasiti 150 katil dengan anggaran peruntukan berjumlah RM250 juta tidak tersenarai untuk dilaksanakan dalam Rolling Plan Satu (RP1), Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) (2016-2017).

Selain itu, faktor lokasi dan tanah yang kurang sesuai juga menjadi penyebab projek ini tidak diteruskan, yang mana lokasi tapak sedia ada bagi projek pembinaan Hospital Kampar adalah di Bandar Agacia, Taman Kampar Putra iaitu kawasan bekas lombong seluas 100 ekar yang mana komposisi tanah berkenaan adalah 40 peratus tanah dan 60 peratus air. Keadaan lokasi dan struktur tanah berkenaan akan memerlukan peruntukan yang tinggi bagi tujuan rawatan tanah.

Anggaran kos rawatan tanah yang diperlukan sekiranya Hospital Kampar dibina di tapak sedia ada adalah sangat tinggi. Berdasarkan kepada anggaran kos rawatan tanah bagi tapak projek yang pernah diluluskan kerajaan bagi Klinik Kesihatan Jenis 3, Water City Bagan Datuk yang mempunyai struktur tanah yang hampir sama dengan tapak cadangan Hospital Kampar, adalah dianggarkan kos rawatan tanah bagi keluasan 20 ekar (keperluan tanah untuk pembinaan sebuah hospital) adalah lebih kurang RM35juta.

Sehubungan itu, berdasarkan faktor kos rawatan tanah yang sangat tinggi dan juga terdapat pembinaan hospital UTAR yang berdekatan (anggaran 4km) dengan tapak cadangan Hospital Kampar. **KKM akan meneliti kembali keperluan pembinaan sebuah hospital baharu di Kampar.**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO.8**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil atau dapatan terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) dalam memperkasakan lagi bidang teknikal dan vokasional di Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pemerkasaan TVET (JKTVET) yang ditubuhkan berperanan untuk menyediakan laporan bagi meningkatkan dan menaiktaraf Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia. Tempoh masa JKTVET adalah setahun dan buat masa ini tindakan awal yang dilakukan adalah pada peringkat mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai pihak, termasuk industri, institusi di bawah Kerajaan, swasta dan pelajar. Di antara strategi yang telah dilaksanakan oleh JKTVET yang di pengkerusikan oleh YB Nurul Izzah Anwar ialah dengan mengadakan sesi jelajah atau *Town Hall*. Sehingga 31 Oktober 2018, jawatankuasa ini telah mengadakan hampir 20 pertemuan umum dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pihak industri dalam memberikan maklumbalas berhubung usaha menambah baik TVET.

Selain itu, semua laporan berkaitan TVET dari *Pricewaterhousecoopers*, *Boston Consulting Group* dan beberapa kumpulan lagi mengenai TVET akan dijadikan sebagai maklumat tambahan atau input kepada JKTVET.

Semua dapatan akan digarap dengan baik, supaya mampu membantu usaha melonjak TVET untuk menjadi pilihan utama pelajar dan ibubapa. Semua maklumat akan diambil kira sehinggalah TVET berupaya melahirkan graduan setaraf graduan bidang akademik serta dapat meningkatkan kompetensi tenaga pengajar TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**RUJUKAN : 11099**

**SOALAN :**

**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini permohonan dan pembaharuan lesen serta permit senjata api di negara ini yang sering kali mengalami kelewatan khususnya penduduk di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Kelulusan permohonan dan pembaharuan lesen senjata api mungkin memakan masa yang lama memandangkan senjata api adalah merupakan peralatan yang perlu dikawal yang mana kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan negara. Dengan yang demikian, setiap permohonan untuk mendapatkan lesen memiliki, pembaharuan lesen atau permit senjata api perlu melalui tapisan yang rapi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menentukan kebolehan, kemampuan dan keupayaan daripada aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon senjata api tersebut.

Kelewatan pembaharuan lesen ataupun permit senjata api terutamanya di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah pelesen tidak dapat hadir pada sesi ujian menembak yang telah ditetapkan oleh ibu pejabat polis daerah masing-masing, kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan. Terdapat pemilik-pemilik lesen yang terlupa untuk memperbaharui lesen mereka dan bila mana mereka menyedari bahawa mereka telah lewat untuk memperbaharui lesen, maka mereka lewat untuk mengemukakan permohonan untuk memperbaharui lesen. Walaupun PDRM menerima permohonan lewat oleh pemohon, ia masih diproses tetapi akan memakan sedikit masa kerana PDRM akan menyemak semula sama ada kelayakan atau keadaan fizikal dan kesihatan pemohon yang telah memiliki lesen ini masih boleh diteruskan untuk diberikan lesen.

Ini antara faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan untuk permohonan tersebut diproses. Selain daripada itu, kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan dan dokumen pembaharuan tidak lengkap serta permohonan sedang dalam proses kajian semula lesen sama ada untuk meneruskan pemilikan ataupun tidak oleh PDRM. Kementerian dan PDRM mempunyai garis panduan yang komprehensif bagi menimbangkan permohonan dan pembaharuan lesen senjata api seperti yang termaktub di bawah Akta Senjata Api 1960.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**

**[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah bentuk bantuan khusus yang akan diberikan kepada golongan ibu tunggal di luar bandar bagi meningkatkan penyertaan golongan ini dalam aktiviti keusahawanan.**

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA**  
**DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2011 ke tahun 2016, penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 44%. Ini berdasarkan kepada data Banci Ekonomi 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di mana sejumlah 20.6% (186,930) adalah perusahaan milikan wanita.

Kementerian telah memperuntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan khusus kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita seperti program keusahawanan. Pada tahun ini, sehingga September 2018, sebanyak 18 program telah dilaksanakan dan seramai 2,265 peserta wanita termasuk ibu tunggal di kawasan bandar dan luar bandar telah menyertai program keusahawanan di bawah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan ini.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga telah melaksanakan program MamaCare yang bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Objektif program ini adalah untuk memberi khidmat penjagaan selepas bersalin iaitu *Confinement Care* yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan. Jumlah Pengamal MamaCare sejak tahun 2012 hingga 2018 adalah seramai 1,131 orang. Manakala dari tahun 2013 sehingga September 2018, seramai 230 orang ibu tunggal telah menyertai Program Latihan Penjagaan Ibu Selepas Bersalin (MamaCare).

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dari tahun 2008 sehingga 2016 telah menjalankan program khusus bagi melatih ibu tunggal agar menceburi bidang keusahawanan iaitu melalui program Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal (I-KIT). Walau bagaimanapun program ini telah dijenamakan semula pada tahun 2017 melalui program baharu iaitu *Development of Women Entrepreneurs Initiatives (DeWI)* yang mensasarkan semua golongan wanita termasuk ibu tunggal dalam kategori B40. Jadi tiada program khusus untuk ibu tunggal. Pada tahun ini, program DeWI tidak diteruskan oleh JPW bagi memberi fokus kepada program-program kesejahteraan wanita yang bertujuan untuk menangani isu

keganasan dan gangguan seksual terhadap wanita serta kesaksamaan gender. Program-program keusahawan untuk golongan ibu tunggal dan juga wanita akan diteruskan oleh pihak NGO melalui Bantuan Khas Perbendaharaan yang diperuntukkan setiap tahun oleh Kementerian.

Kementerian juga telah melaksanakan satu perbincangan bersama Persatuan Jaringan Ibu Tunggal bagi mendapatkan input mengenai apakah bentuk bantuan dan program yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu golongan ini. Antara isu serta masalah yang telah dibangkitkan adalah mengenai kesukaran mereka untuk mendapatkan bantuan perumahan serta cadangan untuk menjana pendapatan melalui bidang pertanian. Kementerian akan terus memberi perhatian terhadap isu serta masalah yang telah dibangkitkan serta akan memastikan kebajikan golongan ibu tunggal tidak diabaikan.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga menyediakan bantuan kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal seperti program DanaNita MARA. Program ini telah dilancarkan pada 9 Mac 2017 dengan jumlah peserta seramai 360 orang bertujuan memberi fokus kepada usahawan wanita agar mampu berdaya saing dan berdaya tahan dalam perniagaan sama ada di bandar atau di luar bandar.



Manakala melalui Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUN) pula terdapat beberapa program pembiayaan bagi golongan wanita khususnya luar bandar telah ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan seperti program TEKUN, SME Bank dan SME Corp

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ PERMATANG PAUH ]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) statistik kes melibatkan kesihatan mental sejak tahun 2010; dan
- (b) langkah yang diusahakan Kementerian untuk memastikan rakyat Malaysia dapat mencapai tahap kesihatan mental terbaik.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Semenjak tahun 1996 lagi, Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Kesihatan Mental secara berkala bagi mendapatkan prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat. Mengikut Kajian Kesihatan and Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 1996 prevalen masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 keatas adalah 10.6 %, kajian yang sama pada 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak tiga kali iaitu 29.2%. Walau bagaimanapun peratus ini merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan BUKAN penyakit mental.

**Yang di-Pertua,**

Antara langkah-langkah yang diusahakan Kementerian untuk memastikan rakyat Malaysia dapat mencapai tahap kesihatan mental terbaik adalah;

**1) Aspek promosi kesihatan mental**

- i) Melalui penubuhan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental semenjak tahun 2011 yang dianggotai oleh pakar-pakar kesihatan mental dan pertubuhan NGO bagi merancang dan menentukan halatuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan;
- ii) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental. Melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada menangani Stres kerana stres berterusan dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kemurungan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan

Mental meliputi kem-kem kesihatan; pameran; ceramah, dialog dan forum. Risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga mewujudkan laman web Portal MyHealth [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental;

- iii) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi; dan
- iv) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerikasaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam program KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dan di tempat kerja melalui KOSPEN Plus.

**2) Aspek pencegahan penyakit mental, pengesanan awal, rawatan**

- i) KKM juga memberi perkhidmatan psikiatri melalui empat (4) buah institusi mental dan 61 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer, KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 958 buah klinik-klinik kesihatan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan dengan 298 orang Pakar

Perubatan Keluarga bagi merawat gangguan mental dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri; dan

- ii) Bagi meningkatkan kompetensi anggota kesihatan untuk mengenalpasti dan mengendalikan gangguan mental klien, KKM terus melatih anggota kesihatan secara berkala melalui modul-modul latihan kesihatan mental yang telah dibangunkan

**3) Aspek Rehabilitasi**

- i) KKM telah membangunkan 32 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh negara bagi memberi perkhidmatan pengesanan awal dan pemulihan serta rehabilitasi pesakit mental. Pesakit dilatih untuk berdikari seperti diajar kaedah penyediaan makanan manakala bagi pesakit mental yang telah stabil, cadangan penempatan pekerjaan (*job placement*) juga disyorkan oleh pihak pengurusan rawatan.

**4) Melalui kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan**

- i) Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid sekolah di 2343 buah sekolah menengah seluruh negara. Program ini bertujuan memperkasa murid menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan. Impak daripada program ini, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (*coping skill*) pelajar apabila berhadapan sesuatu masalah dan membantu menangani sikap agresif dan kecelaruan minda termasuk kejadian buli; dan
- ii) Kementerian Kesihatan bekerjasama dalam mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, satu NGO yang menawarkan

## NO SOALAN: 11

perkhidmatan kaunseling, melalui telefon dan e-mel, perkhidmatan perbincangan dan kaunseling secara tertutup melalui laman web [www.facebook.com/Befrienderskl](https://www.facebook.com/Befrienderskl) kepada individu termasuk wanita yang mempunyai masalah emosi, murung, dan keinginan untuk membunuh diri.

KKM amat mengalu-alukan kerjasama semua kementerian, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menangani isu permasalahan mental ini secara bersama. KKM juga berharap peruntukan dalam kesihatan mental dapat dipertingkatkan dan akan memberi fokus dalam aspek pencegahan permasalahan mental dan promosi kesihatan mental.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 12**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kerajaan masih meneruskan dasar bantuan kepada golongan miskin dan jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh Kementerian kepada pekebun-pekebun kecil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada program pembangunan infrastruktur luar bandar, program-program pembangunan luar bandar lain yang dilaksanakan secara konsisten oleh pihak Kementerian adalah seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), dan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara meliputi komponen Bina Baharu Rumah dan Baik Pulih Rumah sedia ada.

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) pula menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran serta kemahiran asas Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (Sijil Kemahiran Malaysia SKM I dan SKM II).

Program Peningkatan Pendapatan (PPP) pula merupakan bantuan peralatan dan latihan kepada golongan miskin bagi menjalankan aktiviti ekonomi seperti pertanian, perkhidmatan dan perniagaan.

Manakala Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) pula merupakan program khas bagi membolehkan pekebun kecil menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi sampingan terpilih seperti penternakan, pertanian dan keusahawan.

Program-program ini akan diteruskan pada masa akan datang memandangkan ianya dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar, terutamanya di kalangan golongan miskin dan miskin tegar.



## SOALAN NO : 12

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan 'Luar Bandar Sejahtera'. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi 6 Teras iaitu:

- 1) **Prasarana** yang lengkap dan berkualiti;
- 2) **Ekonomi** luar bandar yang berdaya saing;
- 3) **Keusahawanan** yang melibatkan pemerikasaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- 4) **Modal Insan** bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- 5) Memperkasakan **Wanita** luar bandar; dan
- 6) **Sistem Penyampaian** yang mengutamakan keperluan rakyat.

6 Teras ini meliputi 29 Strategi dan 94 Program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema 'Luar Bandar Sejahtera' tersebut.

Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah termasuk di negeri Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana RM50 juta yang diperuntukkan untuk SJKT dalam Bajet 2018 dibelanjakan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengekalkan jawatan penolong pengarah Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai usaha memperkasakan Bahasa ibunda pelajar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan Tabung Penyelenggaraan tahun 2018 kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di bawah kategori Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) sebanyak sebanyak RM50 juta. Cadangan senarai sekolah penerima untuk Tabung Penyelenggaraan 2018 telah diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Walau bagaimanapun daripada senarai sekolah tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu membuat saringan keutamaan terlebih dahulu bagi sekolah-sekolah yang sangat memerlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi di Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi pengurusan akademik bahasa termasuk Bahasa Cina dan Bahasa Tamil masih dikekalkan dengan taraf jawatan ditingkatkan ke gred yang lebih tinggi. KPM akan mengambil tindakan bagi mengkhususkan gelaran jawatan pengurusan akademik bahasa di Unit Bahasa JPN termasuk kepada yang menguruskan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Sekian, terima kasih.

RJM90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**[PENGERANG]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**  
**MENJAWAB**

**SOALAN : 14**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Janji 27 Manifesto Pakatan Harapan untuk memansuhkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Perhimpunan Aman 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Hasutan 1948 akan dilakukan dan sejauh manakah kajian terperinci mengenai kesan pemansuhan undang-undang ini telah dilakukan.

## **JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

### **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rancangan untuk memansuhkan undang-undang berkaitan keselamatan seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [*Akta 747*], Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*], Akta Pencegahan Keganasan 2015 [*Akta 769*] dan Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] adalah merupakan urusan dasar Kerajaan.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri melalui Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-Undang berkaitan Keselamatan sedang mengkaji undang-undang tersebut.
3. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk mengkaji setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan keselamatan dengan lebih terperinci.
4. Sebagai maklumat tambahan ahli-ahli yang berhormat, YB Menteri Dalam Negeri pada sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada pagi ini (13 Nov 2018), telah memaklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa RUU Pembaharuan atau RUU Pindaan mengenai Akta-Akta

ini akan dibentangkan di Parlimen sama ada pada sesi ini atau sesi persidangan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(Setiawangsa)**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**RUJUKAN : 11095**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :**

(a) adakah Kementerian akan untuk mengkaji semula dasar pengambilan inspektor polis mengikut umur dari 18 ke 28 tahun kepada 23 ke 32 tahun selaras dengan umur lazim memperolehi ijazah ; dan

(b) sama ada Kementerian akan mempertimbangkan sama ada Suruhanjaya Pasukan Polis diberi kuasa dalam proses pemilihan inspektor, bukannya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**JAWAPAN:**

Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian tidak bercadang dalam tempoh yang terdekat ini untuk menaikkan umur permohonan pengambilan bagi jawatan Inspektor Polis mengikut ketetapan seperti di dalam Skim Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 iaitu daripada umur 18 hingga 28 tahun kepada 23 hingga 32 tahun seperti yang di cadangkan. Skim Perkhidmatan tersebut telah menetapkan bahawa had umur yang diberikan kepada pemegang Ijazah Sarjana ialah sehingga berumur 30 tahun dan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sehingga 35 tahun. Pada masa ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak menghadapi masalah bagi mendapatkan calon-calon untuk menyertai pasukan polis memandangkan dalam semua eksesais pengambilan bagi pegawai rendah polis atau pegawai kanan polis, sambutan amat menggalakkan diterima daripada masyarakat. Kementerian bersedia untuk membuat kajian jika terdapat keperluan berbuat pada masa hadapan.

Bagi menjawab soalan (b), dalam eksesais pengambilan dan pelantikan baru Inspektor Percubaan Polis ia terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) sebagaimana yang termaktub di bawah Perkara 140 (1) Perlembagaan Persekutuan bukannya di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Hanya proses untuk memohon jawatan sahaja diintegrasikan dengan portal SPA bagi memudahkan pemohon membuat semakan status permohonan mereka dalam satu saluran sahaja. Proses selanjutnya untuk ujian fizikal, SPiER-PDRM (Sistem Pemprofilan Rekrutmen Polis DiRaja Malaysia), temuduga akan diuruskan oleh Bahagian Pengambilan PDRM.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 16**

**PR-1412-L01752**

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan rungutan orang ramai berkenaan kualiti perkhidmatan Pos Laju yang sering mengalami kelewatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, perkembangan pesat sektor E-Dagang negara telah menyumbang kepada peningkatan volum item dan bungkusan pos dari dalam dan luar negara. Perkhidmatan Pos Laju dari Pos Malaysia Berhad telah mengalami pertumbuhan pada kadar tahunan melebihi 20% sepanjang beberapa tahun yang lepas. Secara purata, Pos Malaysia memproses pada kapasiti maksimumnya iaitu kira-kira 300 ribu item sehari di seluruh negara yang mana 40% daripadanya adalah secara manual. Namun, pada musim perayaan dan promosi yang dijalankan oleh platform-platform E-Dagang, jumlah volum yang diproses boleh mencecah lebih daripada 600 ribu item sehari.
2. Pertumbuhan yang sangat pesat dan di luar jangka ini telah memberi cabaran kepada kapasiti memproses dan penghantaran Pos Malaysia justeru menyebabkan beberapa masalah seperti kelewatan penghantaran.
3. Pihak Pengurusan Pos Malaysia amat komited untuk meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatannya kepada rakyat. Menyedari keperluan segera untuk menangani cabaran ini, Pos Malaysia telah mengambil langkah-langkah drastik untuk memperbaiki mutu perkhidmatan serta proses sedia ada bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Pos Malaysia seperti berikut:
  - a. Menambahbaik dan meningkatkan kapasiti memproses bungkusan secara automatik dengan menaiktaraf Pusat Pembungkusan Bersepadunya (Integrated Parcel Center – IPC) yang telahpun disiapkan pada bulan Jun 2018 dan dilancarkan pada 12 Julai 2018. Kapasiti memproses bagi IPC yang terletak di Pusat Mel Nasional, Seksyen 21, Shah Alam ini telah ditingkatkan sebanyak 150% yang membolehkannya untuk memproses sebanyak 300 ribu

bungkusan sehari berbanding dengan 120 ribu bungkusan sehari sebelum ini,

- b. Memperluaskan lagi penggunaan loker bungkusan “EziBox” yang memberi kemudahan kepada pelanggan untuk menerima bungkusan mereka pada bila-bila masa. Pada 1 Oktober 2018, sebanyak 110 EziBox Pos Malaysia telah disediakan di lokasi strategik di Lembah Kelang dan sebanyak 150 unit setahun akan ditambah di seluruh negara sepanjang 3 tahun yang akan datang,
- c. Memperkasa perkhidmatan pelanggan melalui penambahan seramai 60 pegawai khidmat pelanggan baharu pada awal Julai 2018 yang akan menjadikan jumlah kakitangan perkhidmatan pelanggan seramai 200 orang untuk melayan aduan pelanggan dengan lebih cekap. Kajian awal *Proof of Concept* (POC) bagi penggunaan ejen pelanggan maya (*virtual agents*) melalui aplikasi seperti Chatbot akan dimulakan dalam masa terdekat yang bertujuan untuk memperbaiki proses dan mutu perkhidmatan pelanggan,
- d. Menambah bilangan kakitangan serahan secara berperingkat dan menyusun semula penempatan kakitangan ke cawangan serahan yang mempunyai bebanan kerja yang lebih tinggi. Untuk makluman, seramai 600 kakitangan baharu telah dilantik bermula dari Julai hingga September 2018 untuk mencapai jumlah 1,000 kakitangan baharu pada penghujung tahun ini bagi meningkatkan kecekapan serahan,
- e. Memantapkan dan mempelbagaikan perkhidmatan dan produk Pos seperti penghantaran malam dan penghantaran pada hujung minggu di kawasan yang mencatatkan volum yang tinggi, dan
- f. Meningkatkan kecekapan sistem jejak dan kesan (*track and trace*) supaya lebih mesra pengguna dan mudah diakses oleh pelanggan. Di samping itu, infrastruktur ICT Pos

## SOALAN NO: 16

Malaysia seperti perkakasan dan perisian akan diperkasa selari dengan perkembangan teknologi semasa. Selaras dengan ini, kadar kecekapan operasi dan pengurusan perniagaan akan dipertingkatkan serta transformasi sistem aliran kerja daripada manual kepada automasi dapat dicapai.

4. Di samping itu, Pos Malaysia juga merancang inisiatif penambahbaikan kapasiti prosesan dan serahan untuk beberapa tahun akan datang seperti berikut:
  - a. Mewujudkan beberapa tambahan hab yang sesuai sebagai pusat pemprosesan bungkusan di kawasan tumpuan yang dikenali mempunyai volum yang tinggi seperti di zon utara dan selatan Semenanjung Malaysia, dan
  - b. Mempelbagaikan alternatif penghantaran “last mile” seperti penggunaan kaedah “Crowdsourcing”, agen serahan pihak ketiga, perkhidmatan serahan komuniti setempat, kempen serahan kejiiran, memperkenalkan kaedah *EziCollect* iaitu menggalakkan pelanggan memilih kaedah penghantaran mengikut kehendak mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes pencerobohan oleh orang-orang awam terhadap kakitangan penjagaan kesihatan selama 5 tahun yang lalu, sebab-sebab berlakunya tingkah laku yang sedemikian dan langkah-langkah untuk menangani isu ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kes pencerobohan atau kekerasan oleh orang-orang awam terhadap anggota kesihatan semakin meruncing. Seiring dengan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sering menghadapi pelbagai jenis pencerobohan atau kekerasan sama ada dari segi fizikal, verbal, gangguan seksual mahupun tulisan serta insiden tular di media sosial.

Kekerasan didefinisikan sebagai apa jua tingkah laku pelanggan terhadap anggota KKM yang melibatkan serangan secara fizikal, perkataan, seksual mahupun bertulis bertujuan untuk mencederakan, membuat kerosakan atau mendatangkan mudarat psikologi kepada mangsa.

Pihak Kementerian mula membuat pemantauan secara pasif kes kekerasan terhadap anggota di fasiliti KKM sejak tahun 2013 sehingga 2015 dengan sebanyak **44 kes** yang telah dicatatkan selama **3 tahun tersebut (tahun 2013 sehingga 2015)**. Pemantauan secara aktif bermula pada bulan April **2017** dengan **162 kes** selepas **Garis Panduan Mencegah dan Menangani Kekerasan Terhadap Anggota di Fasiliti KKM** di lancarkan dan sebanyak **184 kes** yang terkumpul daripada bulan **Januari sehingga September 2018**. Laporan penuh kes kekerasan bagi tahun 2018 akan diperoleh bermula Januari 2019.

Data kes kekerasan mengikut profesion bagi **tahun 2017** menunjukkan **Pegawai Perubatan** merupakan anggota yang paling tinggi dikasari iaitu sebanyak **39.5% (64 kes)**, diikuti oleh **Jururawat 37% (60 kes)**, **Pembantu Pegawai Perubatan 10.5% (17 kes)** dan lain-lain **13% (21 kes)**.

**Punca kejadian kes kekerasan** adalah **masalah komunikasi 40.7% (66 kes)** antaranya adalah disebabkan oleh pesakit/waris tidak faham prosedur rawatan, waris menunggu lama dan tidak dimaklumkan tentang perkembangan rawatan pesakit atau masalah teknikal seperti gangguan terhadap sistem dokumentasi berkomputer. Selain itu, **faktor kesihatan pesakit** juga turut menjadi punca kepada kejadian kekerasan ini iaitu sebanyak **22% (36 kes)** diikuti oleh **sikap pelaku/pesakit** iaitu sebanyak **21.6% (35 kes)**. Faktor sikap pelaku/pesakit antaranya disebabkan oleh waris melanggar peraturan (membuat rakaman video), pesakit/waris tidak memberikan kerjasama semasa prosedur rawatan serta menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM untuk mengatasi kekerasan terhadap anggota KKM ini adalah:

- i) Pada **28 April 2017**, KKM telah melancarkan **Garis Panduan Mencegah & Menangani Kekerasan Terhadap Anggota di Fasiliti KKM** di mana ianya telah membantu memberi kesedaran serta menjadi rujukan bagi anggota KKM semasa menghadapi situasi kekerasan di tempat kerja;

- ii) KKM mengambil satu inisiatif untuk menghasilkan **Modul Latihan Mencegah & Menangani Kekerasan Terhadap Anggota di Fasilitas KKM pada 27 April 2018** iaitu bertujuan bagi memberi latihan berkonsepkan *Training of Trainers (TOT)* kepada seluruh anggota KKM;
- iii) KKM telah mewujudkan **Kod Kecemasan (Code Grey)** yang akan mengaktifkan satu pasukan terlatih dan professional bagi mengendalikan insiden kekerasan atau berbahaya untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kakitangan kesihatan serta anggota lain; dan
- iv) KKM juga bekerjasama dengan pihak Polis Di Raja Malaysia bagi memastikan siasatan dan tindakan yang sewajarnya dikenakan kepada pelaku.

**Yang di-Pertua,**

KKM amat mengambil berat berkenaan isu keselamatan dan kesihatan anggotanya, dan seperti majikan yang lain, KKM sentiasa bertanggungjawab dan memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggotanya adalah selaras dengan kehendak Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**  
**[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**  
**MENJAWAB**

**SOALAN : 18**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta**  
**PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah kriteria dan syarat-syarat yang digunakan oleh Peguam Negara untuk memutuskan budi bicaranya bagi menarik balik sesuatu kes jenayah yang telah difailkan di mahkamah; dan
- (b) berapakah jumlah kes-kes jenayah yang telah ditarik balik oleh Peguam Negara di atas representasi yang dibuat oleh pihak Peguambela Tertuduh sepanjang tahun 2016 hingga 2018.



**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi apa-apa kesalahan jenayah menurut budi bicaranya.
2. Subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] pula memperuntukkan kuasa kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya untuk mengawal dan memberikan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah.
3. Penarikan balik kes adalah berdasarkan “*case to case basis*” dengan mengambil kira keterangan dan fakta sedia ada.
4. Sepanjang tahun 2016 sehingga tahun 2018, sebanyak empat ratus lapan puluh satu kes telah ditarik balik oleh Peguam Negara

dengan mengambil kira representasi yang dikemukakan oleh peguam bela tertuduh atau tertuduh sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 19**

**PR-1412-L01640**

**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam memastikan jangkauan jaringan jalur lebar diperoleh secara menyeluruh dan berkesan meliputi semua kawasan termasuk di kawasan kampung atau pedalaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, terdapat pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi memperluaskan liputan jalur lebar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.
2. Antaranya adalah pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang melibatkan 198 ibusawat telah siap sepenuhnya pada tahun 2017 dengan menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100Mbps di bandar-bandar utama, ibu-ibu negeri dan kawasan-kawasan ekonomi yang berimpak tinggi dengan jumlah keseluruhan 2.7 juta sambungan tersedia.
3. Di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) pula yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps, sebanyak 528 ibusawat sedang dinaiktaraf di seluruh negara yang dijangka akan siap secara berperingkat pada tahun 2019.
4. Di samping itu, di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 1,766 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G manakala 269 menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara terutamanya di kawasan di luar bandar.
5. Selain itu, sebanyak 4,795 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G/4G manakala 768 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**  
**[LIPIS]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 20**

**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [ LIPIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi menambah semula pendapatan negara dengan anggaran sebanyak RM40 bilion setahun berikutan penghapusan GST dan peningkatan subsidi pukal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018, Kerajaan telah mengumumkan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 dianggarkan sebanyak RM236.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai adalah sebanyak RM174.7 bilion manakala hasil bukan cukai sebanyak RM61.8 bilion. Walaupun Cukai Jualan dan Barangan (GST) telah dimansuhkan dan hasil Kerajaan dianggar berkurang sebanyak RM21 bilion bagi tahun 2018, Kerajaan dijangka mengutip sebanyak RM4 bilion bagi tempoh September hingga Disember 2018 daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST). Oleh itu, kehilangan hasil cukai berasaskan kepenggunaan bersih (*net impact*) adalah berjumlah RM17 bilion bagi tahun 2018. Sebahagian daripada pengurangan kutipan GST tersebut juga akan diimbangi oleh tambahan hasil seperti berikut:

1. tambahan hasil berkaitan petroleum yang dijangka berjumlah RM5.4 bilion berikutan peningkatan harga minyak mentah purata kepada USD70 setong (Brent) berbanding andaian USD52 setong yang diguna pakai dalam Bajet 2018;
2. tambahan dividen daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) termasuk PETRONAS yang dianggar sebanyak RM7 bilion dan Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM1 bilion; dan
3. sumbangan *one-off* daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) sebanyak RM4 bilion.

2. Antara langkah-langkah lain bagi meningkatkan hasil Kerajaan Persekutuan adalah menerusi aktiviti audit dan siasatan yang berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai. Kerajaan juga akan meneroka sumber hasil baharu terutama daripada aktiviti transaksi atas talian dan menyemak semula insentif cukai bagi memastikan impak yang minima kepada pengurangan hasil namun menjana aktiviti ekonomi.

3. Bagi tahun 2019 dan ke hadapan, dasar fiskal akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi walaupun dengan komitmen untuk memperkukuh pengurusan fiskal serta menstruktur semula dan merasionalisasi hutang Kerajaan. Antara langkah utama memperkukuh pengurusan fiskal adalah menstruktur semula pendekatan belanjawan melalui *Zero-Based Budgeting* serta memperkenalkan Akta Kebertanggungjawaban Fiskal (*Fiscal Responsibility Act*) dan Akta Perolehan Kerajaan bagi memastikan ketelusan dan persaingan terbuka.

4. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan strategi meningkatkan hasil bagi mengukuhkan lagi kedudukan fiskal negara. Antara langkah utama adalah seperti berikut:

1. Memanfaatkan aset Kerajaan terutamanya melalui pengurangan pegangan Kerajaan dalam syarikat bukan strategik dan penjualan tanah secara berjadual dan berperingkat kepada pembida tertinggi;
2. Mengenakan Cukai Perkhidmatan bagi perkhidmatan yang diimport termasuk perkhidmatan atas talian;
3. Melancarkan Program Khas Pengakuan Sukarela (*Special Voluntary Disclosure Program*) bagi meningkatkan pengisytiharan pendapatan secara sukarela;
4. Mengkaji semula layanan cukai dan insentif sedia ada di bawah pelbagai perundangan bagi memastikan ianya relevan dan dapat mengurangkan ketirisan hasil;
5. Mengenakan levi pelepasan (departure levy) bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara;
6. Memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gains Tax*) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya; dan
7. Menstruktur semula kadar duti setem pindah milik harta tanah.

5. Pelaksanaan pengurusan kewangan berhemah, penggubalan dasar-dasar

**NO SOALAN : 20**

yang mesra pelabur dan cekap berserta kedudukan fiskal yang kukuh juga dapat meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi negara. Hal ini seterusnya akan memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.



**SOALAN NO. : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR  
GUDANG]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ] minta MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Tanah Rizab Melayu bagi tujuan menjadikan Tanah Rizab Melayu sebagai penjana ekonomi Orang Melayu**

## SOALAN NO.21

### JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mengubal Akta Tanah Rizab Melayu kerana urusan perizapan tanah Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan. Oleh yang demikian, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) hanya berperanan untuk memberi nasihat dan menyelaras isu-isu yang berhubung dengan tanah sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI DR. ADHAM BIN BABA**  
**KAWASAN : TENGGARA**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Adham Musa [Tenggara] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah peratus lonjakan perdagangan negara berikutan terlaksananya inisiatif ekonomi antarabangsa dan hubungan baik yang lebih kukuh antara Malaysia dan negara luar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2017, pertumbuhan perdagangan luar Malaysia adalah yang terpanjang sepanjang 13 tahun dengan kadar lonjakan dua digit sebanyak 19.2% kepada RM1.771 trilion berbanding RM1.486 trilion pada tahun 2016.

Kedua-dua eksport dan import telah merekodkan kadar pertumbuhan dua digit yang kukuh. Eksport mencatatkan kenaikan sebanyak 18.8% kepada RM934.93 bilion dan import bernilai RM836.42 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 19.7%. Malaysia mengecapi lebih dagangan tahun ke-20 berturut-turut sejak tahun 1998.

Pertumbuhan yang memberansangkan ini telah disumbang oleh perdagangan yang lebih tinggi dengan ASEAN, sebagai rakan dagang utama negara dengan kadar lonjakan 20.7% kepada RM83.35 bilion. Selain itu, rakan-rakan dagang yang telah merekodkan kadar pertumbuhan dua digit termasuklah:

- Republik Rakyat China sebanyak 20.5% kepada RM49.44 bilion;
- Kesatuan Eropah sebanyak 17.5% kepada RM26.05 bilion;
- Jepun sebanyak 15.3% kepada RM18.06 bilion;
- Amerika Syarikat sebanyak 13.3% kepada RM18.06 bilion;
- India sebanyak 26% kepada RM12.68 bilion; dan
- Australia sebanyak 23.7% kepada 10.04 bilion.

Kenaikan perdagangan yang ketara juga direkodkan dengan Republik Korea, Turki, Emiriah Arab Bersatu (UAE), New Zealand, Iran, Afrika Selatan, Mexico, Bangladesh, Iraq dan Brazil.

Bagi tempoh Januari-Ogos tahun ini, jumlah perdagangan berkembang 6% kepada RM1.231 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 6.3% kepada RM650.56 bilion dan 5.6% kepada RM580.11 bilion. Lebih dagangan

bagi tempoh ini naik 11.9% kepada RM70.45 bilion berbanding tahun lepas.

Prestasi perdagangan negara yang kekal kukuh ini antara lain adalah berikutan pelbagai strategi yang dirancang dan dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang merangkumi program-program promosi pasaran dan pembangunan pengeksport tempatan.

Antara aktiviti promosi pasaran adalah Pameran Pavilion Malaysia di pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan dan pelaburan, misi akselarasi eksport dan program penyumberan antarabangsa. Program-program ini menghasilkan impak yang tinggi serta berkesan sebagai platform yang sesuai dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia ke luar negara.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut melaksanakan program-program pembangunan pengeksport bagi memantapkan daya saing usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia di arena antarabangsa. Antara program-program yang dimaksudkan adalah:

- (a) Penganjuran Bengkel dan Seminar;
- (b) Program *Going Export* (GoEx);
- (c) Program E-Dagang atau eTRADE;
- (d) Dana Eksport Perkhidmatan (SEF);
- (e) Program Pembangunan Pengeksport untuk Usahawan PKS Bumiputera, Wanita dan Belia; dan
- (f) Geran Pembangunan Pasaran.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yakin dengan kerjasama rapat di antara pihak kerajaan dan swasta, negara akan dapat memantapkan prestasi perdagangan yang positif dan mampan di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH

TARIKH : 13 NOVEMBER 2018

SOALAN :

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-

- (a) statistik sehingga September 2018 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura mengikut umur serta bidang pekerjaan; dan
- (b) faktor rakyat memilih untuk bekerja di Singapura serta langkah inisiatif kerajaan untuk membantu mereka pulang bekerja di Malaysia.

PR-1412-L02367

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada masa sekarang tiada sumber data yang tepat untuk menunjukkan berapa banyak rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Namun begitu, kajian oleh *World Bank* pada 2010 menyatakan bahawa diaspora rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura adalah berjumlah 385,979 merujuk kepada Laporan Jabatan Statistik Singapura pada tahun 2010. Manakala kenyataan oleh Kementerian Tenaga Manusia Singapura yang disiarkan di akhbar *Strait Times Singapura* pada 19 Mac 2014 menyatakan terdapat seramai 370,000 pekerja Malaysia yang memegang pas kerja kategori “*Work Permit*” iaitu pekerja kategori bukan mahir.

2. Namun begitu Institut Maklumat Dan Analisis Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan satu kajian pada tahun ini (2018) bertajuk *A Study Malaysian Working In Singapore* melalui kaedah survei ke atas 3,369 responden. Hasil kajian mendapati:

Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura berumur di antara:

- i. 18 hingga 19 tahun - 0.7 peratus
- ii. 20 hingga 39 tahun - 80 peratus
- iii. 40 hingga 49 tahun - 15.1 peratus
- iv. 50 hingga 65 tahun - 4.2 peratus

3. Bidang pekerjaan atau kategori jawatan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura adalah seperti berikut:

i.	<i>Operator</i>	- 15.61peratus
ii.	<i>Technician</i>	- 9.71peratus
iii.	<i>Engineer</i>	- 5.71peratus
iv.	<i>Manager</i>	- 4.1peratus
v.	<i>Executive</i>	- 3.41peratus
vi.	<i>Administration Officer</i>	- 3.01peratus
vii.	<i>Customer Servis Officer</i>	- 2.21peratus
viii.	<i>Accountant</i>	-1.81peratus
ix.	<i>Cleaner</i>	- 1.71peratus
x.	<i>Clerk</i>	- 1.71peratus

Tuan Yang di-Pertua,

4. Hasil kajian juga mendapati, di antara faktor-faktor rakyat Malaysia memilih untuk bekerja di Singapura adalah:

- i. Kadar mata wang Singapura yang kukuh;
- ii. Peluang pekerjaan yang lebih baik;
- iii. Standard kehidupan yang baik;
- iv. Budaya yang sama;
- v. Saudara-mara atau kawan-kawan sama ada tinggal atau bekerja di Singapura;
- vi. Singapura adalah dekat dengan tempat tinggalnya;
- vii. Mendapatkan gaji yang tinggi;



- viii. Keadaan persekitaran kerja yang baik;
- ix. Kadar elaun dan lain-lain bayaran yang menarik;
- x. Kenaikan gaji yang menarik;
- xi. Polisi majikan yang baik;
- xii. Kestabilan pekerjaan; dan
- xiii. Peluang promosi kenaikan pangkat yang baik

Tuan Yang Di Pertua,

5. Untuk membantu mereka pulang bekerja di Malaysia, *Talent Corp* ada menyediakan program *Returning Expert Programme* (REP). Di antara kriterianya adalah:

- i. Rakyat Malaysia;
- ii. Pada masa permohonan tinggal dan bekerja di luar Negara secara berterusan UNTUK minima 3 tahun;
- iii. Tidak mendapat pendapatan daripada pekerjaan di Malaysia secara berterusan minima 3 tahun; dan
- iv. Tidak ada bayaran tertunggak biasiswa atau pinjaman dengan Kerajaan Malaysia dan agensi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki pertumbuhan ekonomi negara yang jatuh dari 5.4 peratus di suku pertama ke 4.5 peratus di suku kedua 2018 yang bakal menggugat pelaburan dari luar dan juga penarafan antarabangsa terhadap negara kita.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, ekonomi negara masih berkembang walaupun mencatat pertumbuhan yang sederhana pada kadar 4.5% bagi tempoh suku kedua 2018 berbanding 5.4% pada suku pertama 2018. Penyederhanaan ini adalah disebabkan oleh penguncupan pertumbuhan sektor perlombongan sebanyak 2.2% berikutan pengeluaran gas asli yang rendah dan sektor pertanian sebanyak 2.5% berikutan penurunan harga komoditi dunia. Di samping itu, pelaburan awam turut berkurangan sebanyak 9.8% disebabkan oleh kajian semula pelaksanaan projek yang tidak mampan dan pembatalan projek berkeutamaan rendah.

Pada tempoh yang sama, Pelaburan Langsung Asing (FDI) turut menyederhana kepada RM2.8 bilion berbanding RM12 bilion pada suku pertama 2018. Walau bagaimanapun, penyederhanaan FDI adalah bersifat sementara memandangkan persepsi awal pelabur asing yang mengambil langkah berhati-hati terutamanya dalam tempoh peralihan pentadbiran negara. Namun begitu, kedudukan asas ekonomi Malaysia yang masih kukuh mendorong kepada penarafan yang menggalakkan dengan prospek stabil oleh agensi penarafan antarabangsa utama, meskipun terdapat kebimbangan mengenai peningkatan hutang Kerajaan.

Yang di-Pertua,

Tumpuan dasar Kerajaan pada masa kini akan mengimbangi objektif pengukuhan kedudukan fiskal dan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi bagi menangani sentimen pasaran dan pelabur serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prospek ekonomi. Dasar

struktur dan strategi bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif seperti yang dibentang dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas akan melengkap inisiatif Kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan fiskal dan reformasi institusi.

Antara strategi yang digariskan adalah menggalakkan pelaburan berkualiti bagi meneraju pertumbuhan ekonomi serta mengukuhkan eksport dan mengurus import bagi menambah baik imbalan pembayaran. Sentimen pelabur dijangka pulih melalui usaha Kerajaan bukan sahaja untuk mengekalkan pelaburan asing sedia ada malah menarik lebih ramai pelabur datang ke Malaysia. Memandangkan Kerajaan kini berazam untuk menjadi lebih telus dan berintegriti, ini akan menjadi faktor penarik kepada pelabur asing untuk terus bertapak di Malaysia. Di samping itu, strategi mempertingkatkan ketersediaan eksport dan menambah baik kepatuhan piawaian pasaran antarabangsa dijangka akan terus meningkatkan keupayaan eksport negara. Strategi ini dijangka akan menyumbang kepada usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan menjadikan semula Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dan dipandang tinggi.

Namun begitu, persekitaran ekonomi luaran yang tidak menentu khususnya dasar monetari di negara maju yang lebih ketat, ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang semakin meningkat dan ketidaktentuan geopolitik sedikit sebanyak dijangka memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi dan sentimen pelabur.

Sekian, terima kasih.  
13 November 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**SOALAN NO: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN : 25**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penstrukturan semula jabatan dan agensi Kerajaan termasuk syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dapat meningkatkan keberkesanan serta mengurangkan ketirisan dalam organisasi berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited kepada penstrukturan semula organisasi Kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan mengurangkan ketirisan dan perlakuan jenayah rasuah. Dalam hal ini, Kerajaan telah menstruktur semula Agensi-agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dengan mengurangkan pertindihan fungsi dan kawalan.
2. Secara umumnya, urusan penyusunan semula jabatan dan agensi Kerajaan termasuk GLC adalah bertujuan untuk mengelakkan pertindihan fungsi, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan serta mengurangkan pembaziran. Keadaan ini amat penting agar fokus dan skop kerja yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.
3. Sebagai contohnya, penstrukturan semula semua agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pembinaan rumah mampu milik dan perumahan awam yang dahulunya diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian yang berbeza-beza. Kini, kesemunya telah diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan aspek perancangan dasar dan program perumahan dibuat secara menyeluruh, bersepadu dan holistik.

4. Usaha-usaha penstrukturan semula jabatan dan agensi Kerajaan seperti ini amat baik dan berkesan kerana dapat mengelakkan pelaksanaan program / projek secara *silo* dan *piecemeal*. Langkah ini juga dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan menjimatkan kos serta menyumbang kepada usaha pengawalan saiz perkhidmatan awam.
5. Di samping penstrukturan semula Jabatan, Anggota Pentadbiran telah bersetuju tidak akan campur tangan di dalam penempatan pegawai-pegawai Kerajaan terutamanya pegawai-pegawai kanan bagi menerajui Kementerian/Jabatan. Pelantikan Ketua Setiausaha / Ketua Jabatan akan menjadi bidang kuasa mutlak agensi pusat dan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
6. Kerajaan juga telah bersetuju bahawa tiada lagi ahli politik dilantik sebagai Pengerusi bagi menerajui GLC. Kini, GLC akan diterajui oleh golongan professional sepenuhnya. Dengan usaha-usaha ini, Kerajaan yakin jabatan dan agensi Kerajaan serta GLC akan terus berdaya saing dan kekal relevan kepada agenda penyampaian perkhidmatan dan menghindar ketirisan bagi menghasilkan output yang positif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN : 26**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mengkaji undang-undang menghalang Ahli Parlimen daripada meletakkan jawatan tanpa sebab munasabah.



**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, **tiada halangan bagi seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk meletakkan jawatan pada bila-bila masa seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan.**

Walau bagaimanapun, mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang meletakkan jawatan adalah **dilarang untuk bertanding selama lima tahun** seperti mana yang diperuntukkan di bawah **Perkara 48(6) Perlembagaan Persekutuan**. Di samping itu, perkara yang sama juga telah dinyatakan dalam peruntukan undang-undang di bawah **Perlembagaan setiap negeri bagi ADUN yang meletakkan jawatan.**

Perkara ini perlu diteliti dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 27**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah baru yang akan diambil bagi memastikan Pelaksanaan Pilihan Raya Kampus (PRK) di semua Universiti Awam (UA) bermula tahun ini tidak digunakan untuk kepentingan politik pihak-pihak tertentu selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah pembaharuan ke atas pelaksanaan Pilihan Raya Kampus (PRK) di Universiti Awam (UA) melalui kenyataan yang dikeluarkan pada 15 September 2018 yang lepas untuk membenarkan keterlibatan pelajar dalam pelaksanaan PRK. Pihak pengurusan UA juga telah disarankan untuk menyemak semula tatacara pelaksanaan PRK agar pelajar diberi kebebasan mengendalikan PRK secara telus mengikut acuan kepimpinan mereka.

KPM juga telah mengumumkan beberapa perubahan besar di universiti, khususnya bagi memberikan mahasiswa lebih banyak kebebasan berpolitik. Antara perubahan tersebut termasuklah menghapuskan peruntukan undang-undang yang menghalang mahasiswa daripada aktif

berpolitik di kampus, serta memberi kuasa kepada mereka mengendalikan PRK sendiri tanpa campur tangan daripada pentadbiran UA masing-masing.

Dalam konteks ini, ianya tidak melibatkan kepentingan politik mana-mana pihak kerana pelajar diberikan ruang untuk mencorakkan hala tuju dan memilih kepimpinan yang dihasratkan oleh mereka. Disamping itu, tiada campur tangan pihak pengurusan universiti di dalam PRK melainkan bantuan prasarana dan bimbingan sekiranya diperlukan oleh mahasiswa. Walau bagaimanapun, setiap mahasiswa berdaftar dengan universiti adalah tertakluk kepada perlembagaan, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

KPM yakin bahawa kebebasan bersuara dan semangat autonomi yang diberikan kepada pelajar ini mampu membentuk generasi pelapis negara yang bersikap lebih terbuka, matang dan bertanggung jawab ke atas keputusan sendiri.

KPM juga menyambut baik manifesto Pakatan Harapan untuk memansuhkan AUKU dan menggantikannya dengan Akta baru yang lebih komprehensif dan dinamik selari dengan keperluan pendidikan tinggi negara.

Bagi menyediakan lebih banyak ruang dan kebebasan kepada pelajar bersuara dan berpolitik di dalam kampus, KPM komited untuk memansuhkan peruntukan yang menghalang pelajar terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 28**

**PR-1412-L02391**

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengehendkan pemilikan kepentingan parti politik dalam industri media arus perdana.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, Kerajaan tidak menetapkan kriteria penilaian berdasarkan latar belakang parti politik di Malaysia bagi sebarang permohonan lesen bagi aktiviti penyiaran TV dan radio.
2. Penilaian oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membuat syor kepada Kerajaan bagi permohonan lesen individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan '*Content Applications Service Provider Individual Licence*, [CASP (Individual) ]'adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang termaktub di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM 1998), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2000) dan Garis Panduan Permohonan Lesen Individu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Kriteria-kriteria tersebut secara ringkas adalah seperti berikut:
  - a) Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan modal berbayar minima sebanyak RM500,000.00;
  - b) Maklumat korporat syarikat termasuk pemegang saham syarikat, ahli lembaga pengarah dan pengurusan syarikat;
  - c) Perihal jenis kemudahan, perkhidmatan, aplikasi atau kandungan dan teknologi yang akan ditawarkan;
  - d) Perihal liputan dan cadangan pelan perlaksanaan komersil; dan
  - e) Jangkaan perbelanjaan operasi dan modal, rancangan pembiayaan termasuk sumber pembiayaan domestik atau asing dan juga kedudukan kewangan semasa syarikat.
3. Contoh-contoh syarikat yang diberikan lesen berdasarkan faktor-faktor diatas adalah BFM Media Sdn Bhd ('BFM Radio' – di Lembah Klang) dan Senandung Sonik Sdn Bhd ('Tea FM' – di Kuching, Sarawak) bagi platform radio manakala Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd ('ASTRO') dan TM Net Sdn Bhd ('unifi TV') bagi platform penyiaran televisyen.

4. Faktor utama yang dinilai adalah berdasarkan kemampunan pelan perniagaan komersil yang dicadangkan oleh pemohon, serta disokong dengan kemampuan dari segi pengurusan, kewangan, teknikal dan juga jenis kandungan yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia secara amnya. Sokongan daripada mana-mana parti politik tidak perlu dan tidak diambil kira dalam menilai sesuatu permohonan.
5. Ini bermaksud bahawa mana-mana pihak yang layak boleh memohon untuk lesen individu dibawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 melainkan kategori-kategori yang termaktub di Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 seperti berikut:

*Orang atau golongan orang yang berikut sahaja yang tidak layak untuk memohon suatu lesen individu:*

- a) *Suatu syarikat asing sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965;*
  - b) *Seseorang individu atau suatu kepunyaan tunggal;*
  - c) *Suatu perkongsian; dan*
  - d) *Mana-mana orang atau golongan orang yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.*
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2018, terdapat 56 pemegang lesen individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan 'Content Applications Service Provider Individual Licence, [CASP (Individual)]'. Daripada jumlah ini, sebanyak 35 pemegang lesen dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan penyiaran televisyen melalui pelbagai platform seperti satelit, penyiaran bebas ke udara 'Free to Air (FTA)', protokol internet (IPTV) dan juga penyiaran televisyen terrestrial digital 'Digital Terrestrial Television Broadcasting (DTTB)', manakala 21 pemegang lesen dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan radio terrestrial.

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen  
[ Bandar Kuching ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 29**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pencegah Rasuah (MACC) akan membuka semula siasatan terhadap Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Yang di-Pertua Negeri of Sarawak, dan juga orang-orang rapat denganya atas tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa berikutan bukti baru yang ditemukan atas kerjasama oleh Bruno Manser Fund dan Sarawak Report.

**JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong,**  
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan beberapa siasatan ke atas Mantan Ketua Menteri Sarawak berkenaan. Kesemua hasil siasatan telah pun dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk diputuskan. Setelah meneliti keterangan yang ada pihak Jabatan Peguam Negara telah pada 3 Ogos 2016 dan 17 Ogos 2016 masing-masing memutuskan semua Kertas Siasatan yang melibatkan isu ini ditutup. Secara spesifiknya, terdapat 10 Kertas Siasatan dibuka terhadap Mantan Ketua Menteri Sarawak ini dan 9 Kertas Siasatan daripadanya telah ditutup pada 3 Ogos 2016 dan 1 Kertas Siasatan daripadanya telah ditutup pada 17 Ogos 2016.

Setakat ini belum ada maklumat baru bagi membolehkan siasatan untuk dibuka semula.

Sekian, terima kasih.



**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHEAL TEO YU KENG [MIRI]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**MENJAWAB**

**SOALAN : 30**

**YB DR. MICHEAL TEO YU KENG [MIRI] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan—**

- (a) berkenaan dengan Kes Pembunuhan Bill Kayong di Miri pada 21 Jun 2016, pihak pendakwa raya tidak dapat mengemukakan bukti yang cukup untuk menyabit kesalahan terhadap seorang saspek utama yang dipercayai adalah dalang di sebalik pembunuhan tersebut; dan

(b) nyatakan sama ada kes Pembunuhan Bill Kayong dapat dipertimbangkan oleh Kementerian untuk dibicarakan semula (*retrial*) untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan untuk keluarga arwah Bill Kayong dan demi keadilan sosial amnya.

## **JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

### **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di Mahkamah, tidak terdapat apa-apa bukti yang boleh mengaitkan perbuatan subahat telah dilakukan oleh suspek utama dalam kes pembunuhan Bill Kayong.
2. Saksi-saksi yang memberi keterangan di Mahkamah tidak dapat mengaitkan suspek tersebut dengan kesalahan subahat membunuh mangsa (Bill anak Kayong). Keterangan forensik yang dikemukakan juga tidak menyokong pertuduhan subahat telah dilakukan oleh suspek tersebut.
3. Pada peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi Miri, terdapat dua saksi yang telah belot (*turn hostile*) semasa memberi keterangan di Mahkamah. Kedua-dua saksi ini telah dituduh di Mahkamah Majistret Miri untuk kesalahan sumpah bohong di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan [*Akta 574*]. Kes terhadap kedua-dua saksi ini masih lagi di peringkat perbicaraan.

4. Perbicaraan semula kes-kes jenayah hanya boleh dilakukan sekiranya terdapat ketinggalan, ketidakpatuhan tatacara perbicaraan atau kesilapan teknikal daripada segi pemakaian dan tafsiran undang-undang semasa kes diputuskan oleh Mahkamah yang mendengar kes tersebut atau terdapat keterangan baharu yang mewajarkan sesuatu kes dibicarakan semula.
5. Dalam kes pembunuhan Bill Kayong, kesemua tatacara perbicaraan telah dipatuhi dan kesemua keterangan hasil siasatan telah dikemukakan dan setakat ini tiada keterangan baharu diperoleh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**  
**KAWASAN : PASIR PUTEH**  
**TARIKH BAHAS : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memperkasakan PKS di peringkat antarabangsa kerana hampir 18% daripada keseluruhan eksport Malaysia datangnye daripada PKS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarbangsa dan Industri (MITI) bersama-sama dengan agensinya seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan SME Corp. Malaysia (SME Corp.) sentiasa berusaha untuk memastikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dapat berdaya saing di pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai eksport PKS pada tahun 2017 adalah berjumlah RM167.4 bilion, dengan sumbangan eksport PKS secara keseluruhan adalah sebanyak 17.3%.

Pelbagai strategi dan inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya dalam meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS untuk menembusi pasaran eksport. Ini termasuklah:

- (i) Program-program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme*) seperti *Going Export* atau *Go-Ex* yang telah dilaksanakan oleh MATRADE bagi membantu pengeksporthan PKS memasarkan produk baharu di pasaran sedia ada atau produk sedia ada di pasaran baharu, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk PKS (tahun 2012 hingga 2020).

Program ini juga bertujuan menangani masalah yang dihadapi oleh PKS berhubung kos pendahuluan yang tinggi serta kurang pengetahuan mengenai pesaing dan pasaran baharu dalam usaha menembusi pasaran baharu di luar negara. Sehingga kini, sebanyak 287 PKS telah menyertai program *Go-Ex* dan telah menerokai 37 pasaran baharu dan telah menjana jualan eksport berjumlah RM402.55 juta.

- (ii) Program eTRADE yang merupakan salah satu strategi Kerajaan untuk memperkasakan PKS di peringkat

antarabangsa. Melalui program ini, PKS dibantu untuk meningkatkan eksport melalui penyenaraian produk atau perkhidmatan mereka di dalam *eMarketplace* atau platform e-dagang antarabangsa.

Di bawah program eTRADE, PKS diberikan insentif sebanyak RM5,000 untuk membayar sebahagian kos penyenaraian di dalam *eMarketplace* atau platform e-dagang antarabangsa dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan penyenaraian tersebut. Di antara *eMarketplace* atau platform e-dagang antarabangsa di bawah program eTRADE adalah seperti Amazon.com, eBay.com, Alibaba.com, AVANA/Facebook, DagangHalal.com dan BuyMalaysia.com. Sebanyak 2,486 syarikat telah menyertai program eTRADE dan telah berjaya menembusi 36 pasaran luar negara seperti negara-negara ASEAN, China, Amerika Syarikat, Amerika Latin, Eropah serta Asia Tengah.

- (iii) MATRADE juga menawarkan Dana Eksport Perkhidmatan (*Services Export Fund* – SEF) bagi menggalakkan Pembekal Perkhidmatan Malaysia bersaing di arena antarabangsa. Dari tahun 2015 sehingga kini, sebanyak 118 syarikat telah berjaya mendapatkan bantuan SEF.
- (iv) Selain itu, Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) dan Program Pembangunan Pengeksport Belia (YEDP) turut dilaksanakan oleh MATRADE bertujuan memberi pendedahan dan mempersiapkan PKS untuk menambahbaik kualiti produk dan perkhidmatan, di samping membuka akses pasaran ke peringkat yang lebih global. Sejak pelaksanaan BEDP, WEDP dan YEDP bermula dari tahun 2004 sehingga kini, sejumlah 342 syarikat telah turut menyertai dan mendapat manfaat daripada program-program tersebut.
- (v) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) yang dilaksanakan oleh SME Corp. bagi membangunkan keupayaan

pra-eksport PKS Bumiputera yang berpotensi untuk pasaran eksport serta mewujudkan rantai bekalan domestik dengan melaksanakan.

Sejak tahun 2016 sehingga kini, sejumlah 37 permohonan telah diluluskan yang merangkumi aktiviti promosi dan pemasaran luar negara, penambahbaikan pembungkusan, pembangunan jenama dan pensijilan bagi mematuhi piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja. Di antara destinasi negara eksport yang telah ditembusi oleh penerima geran dan pinjaman program GEB adalah seperti United Kingdom, Arab Saudi, Jepun, Australia, Belanda dan Indonesia.

- (vi) Siri Latihan Pra-Eksport oleh SME Corp. dengan kerjasama MARA, MATRADE, EXIM Bank dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), bagi meningkatkan pengetahuan dan pengurusan syarikat PKS dalam menguruskan aktiviti berkaitan eksport . Sejak tahun 2017 sehingga kini, sejumlah 354 syarikat dari seluruh negara telah menyertai Siri Latihan Pra-Eksport.

Melangkah ke hadapan, SME Corp. bercadang untuk melaksanakan inisiatif *Malaysian Made 2020* (MM 2020) yang bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS semasa Persidangan Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) yang bakal diadakan di Malaysia pada tahun 2020. Sebagai langkah awal, SME Corp. akan bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam mengenal pasti PKS yang berpotensi membekalkan produk serta perkhidmatan yang berkualiti semasa persidangan tersebut berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari kepentingan dan sumbangan PKS yang mewakili sebahagian besar daripada jumlah-jumlah syarikat yang berdaftar di Malaysia kepada ekonomi negara, Kerajaan terus komited untuk memperkasakan potensi serta daya saing PKS terutamanya di pasaran antarabangsa.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN : NO. 32**

**YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik Sistem eKasih bagi negeri Kelantan mengikut daerah sejak ia diperkenalkan. Mohon diperincikan kaedah verifikasi lapangan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

---

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kategori** golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan “Miskin Tegar dan Miskin” berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Ketika ini kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada **jumlah pendapatan per kapita isi rumah** dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 atau *Household Income Survey 2014* (HIS 2014).

Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut di mana bantuan yang direkodkan ini adalah dari agensi pemberi bantuan berkaitan. Melalui sistem ini, bilangan, kedudukan dan status kemiskinan setiap isi rumah akan dipantau dan dilaporkan bagi menentukan jenis program dan bantuan yang diperlukan setiap peserta untuk disalurkan oleh agensi pemberi bantuan berdasarkan kelayakan dan menepati kriteria yang ditetapkan.

Data kemiskinan eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa berubah. Berdasarkan rekod eKasih sehingga **31 Oktober 2018**, seramai **96,708 Ketua Isi Rumah (KIR)** telah berdaftar dengan eKasih bagi Negeri Kelantan. Daripada jumlah tersebut seramai **7,568 KIR** adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan **40,075 KIR** pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai **49,065 KIR** adalah di bawah kategori Terkeluar. Perincian mengikut Daerah adalah seperti berikut:

**SOALAN NO. 32**

<b>Daerah</b>	<b>Miskin tegar</b>	<b>Miskin</b>	<b>Terkeluar</b>	<b>Jumlah</b>
Bachok	693	3,843	5,051	9,587
Gua Musang	624	3,287	4,133	8,044
Jeli	369	1,787	1,694	3,850
Kota Bharu	1,638	9,510	11,100	22,248
Kuala Krai	658	2,792	3,193	6,643
Machang	405	2,074	3,056	5,535
Pasir Mas	884	3,984	4,879	9,747
Pasir Puteh	640	3,953	4,873	9,466
Tanah Merah	761	4,010	4,606	9,377
Tumpat	896	4,835	6,480	12,211
<b>JUMLAH</b>	<b>7,568</b>	<b>40,075</b>	<b>49,065</b>	<b>96,708</b>

\* Sumber: eKasih Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Semua profil isi rumah miskin di bawah eKasih diperoleh melalui kaedah bancian di lapangan oleh pembanci yang dilantik. Bancian dibuat menggunakan Borang Bancian Isi Rumah Miskin (BIRM) yang mempunyai 24 helaian muka surat. Pemilihan isi rumah yang akan dibanci juga adalah kepada golongan bersasar berdasarkan pengesahan pemimpin tempatan atau aduan daripada masyarakat.

Data-data dan maklumat diperoleh secara terperinci oleh pembanci melalui sesi temu ramah secara langsung/bersemuka serta pemerhatian di lokasi isi rumah berkaitan. Butiran maklumat yang diperoleh adalah seperti berikut:

- (i) Pengenalan KIR dan Ahli Isi Rumah (AIR);  
Maklumat berkaitan butiran peribadi KIR dan AIR seperti bukti kad pengenalan, jantina, agama dan kaum.
- (ii) Lokasi;

## SOALAN NO. 32

Maklumat berkaitan Negeri, DUN, Parlimen dan Daerah di mana isi rumah menetap.

- (iii) Kediaman;  
Maklumat serta pemerhatian jenis dan keadaan kediaman isi rumah.
- (iv) Pendidikan;  
Maklumat seperti taraf pendidikan tertinggi dan sijil-sijil berkaitan sekiranya ada.
- (v) Kemahiran dan status pekerjaan;  
Maklumat seperti kemahiran yang dimiliki oleh KIR dan AIR serta pekerjaan yang dilakukan untuk menyara keluarga. Maklumat ini juga merangkumi jarak isi rumah ke tempat kerja dari kediaman dan pengangkutan yang digunakan untuk ke tempat kerja.
- (vi) Harta;  
Maklumat berkaitan jenis harta dan bilangan aset yang dimiliki oleh isi rumah.
- (vii) Kesihatan;  
Maklumat berkaitan penyakit yang dihadapi oleh isi rumah, jenis rawatan dan jenis kecacatan yang dialami.
- (viii) Pendapatan; dan  
Maklumat berkaitan punca pendapatan isi rumah seperti pendapatan bergaji, pendapatan pekerjaan sendiri (bukan pertanian), pendapatan daripada harta, kiriman isi rumah lain dan penceen.
- (ix) Penerimaan bantuan.  
Maklumat berkaitan bantuan yang pernah diterima oleh isi rumah serta bantuan yang diperlukan oleh isi rumah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA  
DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI  
[ KOTA MARUDU ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status terkini penubuhan Lembaga Kelapa Nasional. Apakah dasar, strategi, program-program dan sasaran baru pembangunan sektor kelapa negara. Apakah program-program khas untuk petani-petani kelapa di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengambil tindakan bagi memperkasakan industri kelapa negara melalui pengukuhan program pembangunan industri kelapa negara. Antara usaha-usaha ke arah ini adalah dengan menubuhkan Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia (LPKNM) melalui penstrukturan semula serta pengembangan fungsi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) selaku agensi yang akan bertanggungjawab untuk mengawalselia pembangunan industri kelapa dan nanas negara. Kementerian kini dalam proses melaksanakan kajian Analisa Impak Regulatori (*Regulatory Impact Assessment* - RIA) yang dijangka dapat disiapkan pada April 2019 bagi tujuan penyediaan kertas cadangan penubuhan LPKNM. Pada masa yang sama rang undang-undang berkaitan pembangunan dan pengawalseliaan industri juga sedang dirangka bagi menyediakan suatu kerangka perundangan yang berupaya mengawalselia industri pada masa hadapan.

Ketika ini kebergantungan negara kepada kelapa import sangat tinggi yang dianggarkan kira-kira 120 juta biji atau 120 ribu metrik tan setahun.

Justeru itu, dasar ketika ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran kelapa tempatan bagi mengurangi kebergantungan kepada kelapa import. Antara strategi yang dirangka adalah mengukuhkan program pembangunan industri kelapa negara melalui kegiatan penanaman semula atau baru, pemulihan kawasan kelapa sedia ada serta integrasi dengan tanaman lain. Varieti baru berhasil tinggi seperti matag, careca dan beberapa varieti hibrid lagi akan digunakan dan terus dihasilkan. Di samping itu, pihak swasta juga akan dilibatkan bagi pembangunan kawasan tanaman kelapa dan program pengeluaran benih kelapa berhasil tinggi bagi menampung keperluan benih negara. Pada tahun 2018 keluasan yang disasarkan adalah seluas 2,050 hektar bagi penanaman semula atau baru, 9,900 hektar untuk pemulihan kawasan sedia ada dan 300 hektar untuk integrasi dengan tanaman atau komoditi lain.

## SOALAN NO. 33

Program pembangunan kawasan tanaman kelapa merupakan inisiatif di bawah Sumber Kekayaan Baharu (SKB) yang sebelum ini dikenali sebagai Sumber Kekayaan Baru dan dilaksanakan oleh MOA di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Antara lainnya inisiatif ini melibatkan insentif penanaman semula/baru, pemulihan kawasan sedia ada dan integrasi dengan tanaman lain untuk pekebun kecil, usahawan, syarikat/koperasi dan syarikat swasta atau GLC. Insentif-insentif yang diberikan di bawah program SKB adalah seperti berikut :

1. Insentif bagi tanam semula/baru yang melibatkan pekebun kecil (individu/berkelompok) serta usahawan dengan kadar maksimum insentif sebanyak RM20,000/hektar untuk 4 tahun, manakala yang melibatkan koperasi atau syarikat diberi insentif dengan kadar maksimum sebanyak RM10,000/hektar untuk 4 tahun secara imbuhan balik (*reimbursable*) pada kadar 1:1. Insentif ini melibatkan pembangunan infrastruktur ladang, pembersihan kawasan, perolehan peralatan, mekanisasi, pembekalan benih dan input pertanian;
2. Insentif di bawah pemulihan yang melibatkan pekebun kecil (individu/berkelompok) serta usahawan, akan diberi insentif dengan kadar maksimum sebanyak RM7,500/hektar untuk 3 tahun melibatkan naik taraf infrastruktur ladang, perolehan alatan, mekanisasi, pembekalan benih dan input pertanian; dan
3. Insentif di bawah integrasi yang melibatkan hanya pekebun kecil (individu/berkelompok), akan diberi insentif dengan kadar maksimum sebanyak RM10,000/pekebun kecil.

Jabatan Pertanian Sabah juga telah melaksanakan program pembangunan sektor kelapa melalui Projek Pemulihan Tanaman Kelapa sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), 2006-2010 dan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Setakat tahun 2018, seluas 236.10 hektar kawasan dibangunkan dengan kelapa matag dan 249 hektar kawasan dibangunkan dengan kelapa pandan melibatkan 208 orang petani.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 34**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status perkembangan semasa berkenaan janji PRU-14 iaitu pemansuhan hutang peneroka FELDA seperti mana yang terkandung dalam buku manifesto Pakatan Harapan.



**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam membela nasib peneroka FELDA dan keluarga mereka. Kerajaan pada hari ini mendapati FELDA sedang menghadapi masalah aliran tunai yang amat kritikal. Selaras iltizam untuk memulihkan FELDA, langkah pertama diambil Kerajaan adalah pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga FELDA baharu yang telah dilaksanakan pada Julai 2018.

Justeru, tumpuan segera Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baharu adalah untuk memulihkan kedudukan aliran tunai FELDA melalui perbincangan dengan pemiutang (*creditors*) untuk menstrukturkan semula pinjaman FELDA yang sudah mencecah jumlah keseluruhan RM8.025 bilion.

Langkah seterusnya yang sedang diambil untuk memperkukuhkan kedudukan aliran tunai adalah melalui penjualan aset-aset yang tidak strategik seperti hartanah di luar dan dalam negara. Pulangan daripada penjualan berkenaan akan dipastikan mendapat nilai yang terbaik dan boleh dimanfaatkan bagi tujuan operasi, seterusnya kepada kesejahteraan peneroka.

Kedudukan kewangan FELDA yang kritikal pada hari ini adalah legasi kepimpinan terdahulu yang lemah dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan baru komited untuk memulihkan FELDA secepat mungkin demi kesejahteraan peneroka-peneroka selaras dengan matlamat penubuhan FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Fokus utama Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan FELDA yang baharu adalah untuk melaksanakan tanggungjawab perundangan (*statutory obligation*) terhadap peneroka-peneroka FELDA.

Kerajaan yakin Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baharu akan berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang tinggi demi menjayakan proses pemulihan FELDA dan pembangunan FELDA yang mampan. Untuk maksud ini Kerajaan telahpun memutuskan untuk membentangkan Kertas Putih (*White Paper*) di dalam Parlimen pada sidang kali ini bagi mendedahkan situasi sebenar yang dihadapi FELDA dan juga perancangan strategik pemulihan agensi tersebut.

Lanjutan dari itu, Kerajaan percaya kedudukan sebenar agensi ini dan langkah pemulihannya akan dapat dikenal pasti. Seterusnya ini akan membantu Kerajaan dalam merangka pelan tindakan pemulihan menyeluruh yang bersesuaian dan memberi manfaat langsung kepada para peneroka, termasuk beban hutang yang di hadapi mereka.

Sekian, terima kasih.  
13 November 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang dipohon untuk membaikpulih prasarana sekolah-sekolah Kerajaan di Lembah Pantai, dan nilai serta sebab peruntukan-peruntukan ini belum diluluskan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan secara berperingkat-peringkat kepada Bahagian-bahagian dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) termasuk Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) bagi pelaksanaan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah dan institusi pendidikan setiap tahun berdasarkan jumlah peruntukan tahun semasa yang diluluskan.

Pada tahun 2018, peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan yang disalurkan untuk sekolah dan institusi pendidikan di Lembah Pantai adalah sebanyak RM108,400.00 berdasarkan keupayaan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan serta pembayaran di peringkat JPWPKL dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan penyelenggaraan yang diluluskan pada tahun 2018 untuk kesemua sekolah dan institusi pendidikan seluruh Malaysia di bawah KPM hanya berjumlah RM82.0 juta. Sehubungan dengan itu, penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keutamaan yang dikenal pasti oleh Bahagian-bahagian di KPM, JPN dan jabatan-jabatan teknikal termasuk JKR.

Sekian, terima kasih.

RJM91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan senarai nama Pengurusan Tertinggi Universiti-universiti Awam (UA) dan Swasta yang baru dilantik sejak Mei 2018 termasuk Naib-naib Canselor dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti menerusi lantikan politik sehingga kini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Mei 2018, terdapat dua (2) pelantikan baharu bagi jawatan Naib Canselor (NC) telah dibuat melibatkan Universiti Utara Malaysia iaitu Prof. Dr Ahmad Bashawir bin Hj. Abdul Ghani dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu Prof. Tan Sri Dr. Dzulkifli Abdul Razak.

Bagi jawatan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pula, seramai 70 orang ahli LPU baharu telah dilantik oleh YB Menteri Pendidikan selaras dengan Seksyen 14(1) Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Manakala bagi institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pula, pelantikan NC adalah di atas pertimbangan dan persetujuan ahli lembaga pengarah syarikat yang menubuhkan IPTS dan perlu memenuhi keperluan Seksyen 31 Akta 555. Sejak Mei hingga September 2018, seramai 13 orang NC telah dilantik oleh Ketua Pendaftar di IPTS bertaraf Universiti, Universiti (kampus cawangan), Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (KCLN), Kolej Universiti dan Kolej Universiti (kampus cawangan).

Untuk makluman, senarai Lembaga Pengarah Universiti Awam dan Naib Canselor UA adalah seperti dalam Lampiran 1. Manakala senarai lantikan Naib Canselor di IPTS bagi tempoh Mei hingga September 2018 adalah seperti di Lampiran 2.

Sekian, terima kasih.

RJM92

LAMPIRAN 1

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI AWAM DILANTIK OLEH  
YB MENTERI PENDIDIKAN

UNIVERSITI	JAWATAN	NAMA
Universiti Malaya (UM)	<b>PENGERUSI</b>	YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim
	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Ahmad Nazri bin Abdullah
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Prof. Dr. R. Thillainathan
Universiti Sains Malaysia (USM)	<b>PENGERUSI</b>	YBrs. Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran
	Wakil MOF	Encik Johan Mahmood Marican
	Wakil Masyarakat	YBhg. Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Nor
	Wakil Senat I	YBhg. Dato' Prof. Ahmad Shukri Mustapa Kamal
	Wakil Senat II	YBrs. Prof. Dr. Zainal Ariffin
	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBrs. Prof. Dr. Syed Farid Al-Attas
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Tan Sri Abdul Wahid bin Omar
	Wakil Tetap KPM	YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas
	Wakil Masyarakat	YBhg. Dato' Prof. Dr. Sukiman Sarmani
	<b>PENGERUSI</b>	YAM Dato' Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalulail
Universiti Putra Malaysia (UPM)	Wakil Masyarakat	YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Nik Mustapha bin R. Abdullah
	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Imran Haidi Dato' Abdul Malik
	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Charon Wardini Mokhzan
	Wakil Alumni	Encik Sureson Krisnasamy
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria

UNIVERSITI	JAWATAN	NAMA
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Naib Canselor	YBhg. Datuk Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar
	Wakil MOF	Encik Baidilleh bin Ghazali
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Presiden	YB Dr. Maszlee bin Malik
	Representative of Host Member/ Vice Chairman	YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas
	Rector of IIUM	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dzulkifli Abdul Razak
Universiti Utara Malaysia (UUM)	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Dato' Prof. Dr. Sudin Haron
	Naib Canselor	YBrs. Prof. Dr. Ahmad Bashawir bin Hj. Abdul Ghani
	Wakil Masyarakat	YBrs. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd. Sohod
	Wakil Swasta	Encik Shah Hakim @ Shahzanim bin Zain
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	Encik Mohd Nizam bin Morad ( <b>letak jawatan pada 1 November 2018</b> )
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Datuk K. Y. Mustapha
	Wakil Tetap KPM	YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir
	Wakil Masyarakat	YB Datuk Haji Hisham Paijan
	Wakil Swasta	YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi
	Wakil Swasta	Encik Asgari Mohd Fuad Stephens
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Datuk Vincent Pung Yee Kiong
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Wakil MOF	Encik Mohd Saiful Sungkih bin Abdullah
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Wakil Masyarakat	YBhg. Dato' Abdul Raof Hussin
	Wakil Swasta	YBrs. Prof. Madya Dr. Farish Ahmad Noor
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Dato' Dr. Siddiq bin Fadzil
	Wakil MOF	YBhg. Datin Nik Roslini binti Raja Ismail
	Wakil Masyarakat	YB Dr. Razali bin Ab. Malik



<b>UNIVERSITI</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NAMA</b>
	Wakil Senat	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail
<b>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Rauf Rashid
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Tan Sri Azizah Mokhzani
<b>Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Tan Sri Halim Mohammad
	Wakil Masyarakat	YBhg. Dato' Prof. Dr. Kamaruzzaman bin Wan Su
	Wakil Senat	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Aziz bin Deraman
	Wakil Swasta	Encik Azizul Nizam Bidin
<b>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman
	Wakil Swasta	Encik Ahmad Luqman bin Mohd. Azmi
	Wakil Alumni	YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong
<b>Universiti Malaysia Pahang (UMP)</b>	Wakil Masyarakat	YBhg. Dato' Sharif Shamsuddin
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Majid Mohamad
<b>Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin
<b>Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Datuk Dr. Muhammad Nur Manuty
	Wakil Senat	YBhg. Prof. Dr. Ahmad Shukri bin Yazid
	Wakil Swasta	YBhg. Tan Sri Tony Fernandes
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	Ybrs. Dr. Zaharuddin Abd Rahman
<b>Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</b>	<b>PENGERUSI</b>	YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin Haji Yaacub
	Wakil Tetap MOF	YBrs. Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman
	Wakil Ganti MOF	Puan Hasifah bin Muhd Murtadza

**NO SOALAN: 36**

<b>UNIVERSITI</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NAMA</b>
	Wakil Swasta	Encik Nazri Mat Nor
	Wakil Swasta	YBhg. Datuk Prof. Dr. Che Muhaya Haji Mohamad
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Haji Nazran Muhammad
<b>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)</b>	Wakil Masyarakat	YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Haji Zainal Abidin
	Wakil Senat	YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus
	Wakil Swasta	Encik Ku Azhar Ku Abdul Abdul Razak
	Wakil Alumni	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yasin
	Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman	YBhg. Dato' Halimi bin Abdul Manaf

**SENARAI PELANTIKAN NAIB CANSELOR/ REKTOR UA 2018**

<b>BIL</b>	<b>IPTA</b>	<b>NAMA</b>
1	UM	YBhg. Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim
2	USM	YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma binti Ismail
3	UKM	YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Noor Azlan bin Ghazali
4	UPM	YBhg. Datin Paduka Prof. Dr. Aini Ideris
5	UTM	YBhg. Datuk Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar
6	UIAM	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dzulkifli Abdul Razak
7	UiTM	YBhg. Dato' Prof. Emeritus Dr. Hassan bin Said
8	UUM	YBhg. Prof. Dr. Ahmad Bashawir Hj. Abdul Ghani
9	UNIMAS	YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
10	UMS	YBhg. Datuk Prof. Dr. D Kamarudin D. Mudin
11	UPSI	YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamad Shatar bin Sabran
12	USIM	YBhg. Dato' Prof. Dr. Musa Bin Ahmad
13	UMT	YBhg. Dato' Prof. Dr. Nor Aieni Binti Mokhtar
14	UTHM	YBrs. Prof. Ts Dr. Wahid bin Razzaly
15	UTeM	YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin
16	UMP	YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Daing Mohd. Nasir Bin Daing Ibrahim
17	UniMAP	YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal
18	UniSZA	YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Bin A. Latif
19	UMK	YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar
20	UPNM	YBhg. Lt. Jen. Dato' Abdul Halim Haji Jalal

**Senarai Lantikan Naib Canselor di IPTS bagi tempoh Mei hingga  
September 2018**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Nama IPTS</b>	<b>Jawatan</b>
1	TAYLOR REBECCA SUSAN	UNIVERSITY OF SOUTHAMPTON MALAYSIA CAMPUS	NC
2	MOHAMED IBRAHIM BIN ABDUL MUTALIB	UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS	NC
3	RAMLI BIN ISMAIL @ MAMAT	UNIVERSITY MALAYSIA OF COMPUTER SCIENCE AND ENGINEERING PUTRAJAYA	NC
4	NOOR RAIHAN BINTI AB HAMID	UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY SELANGOR	NC
5	CHIN YUK FONG	KOLEJ UNIVERSITI BORNEO UTARA (KUBU)	NC
6	DATO' SHARIFAH HALIMAH SYED AHMAD	MERITUS UNIVERSITY KL	NC
7	ROSLAN BIN ZAINAL ABIDIN	UNIVERSITI NILAI	NC
8	MAHAMAD ZUBIR BIN SEEHT SAAD	UNIVERSITI PICOM	NC
9	ABDUL JUMAAT BIN MAHAJAR	GLOBALNXT UNIVERSITY KL	NC

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Nama IPTS</b>	<b>Jawatan</b>
10	SEFEAN BIN HUSSIN	KOLEJ UNIVERSITI FARIVIEW SELANGOR	NC
11	RUGAYAH BINTI HUSEIN	KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PAHANG	NC
12	CHRISTOPHER IAN BALDWIN	NEWCASTLE UNIVERSITY MEDICINE MALAYSIA	NC
13	SAMSINAR BINTI MD SIDIN	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNIRAZAK)	NC

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 37**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang sedia ada di seluruh negara dan penambahan MRSM akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Pendidikan Menengah MARA memainkan peranan yang signifikan dalam memperkukuh modal insan berteraskan Science, Technology, Religion, Engineering, Arts and Mathematics (STREAM).

Pada masa ini, terdapat 54 buah MRSM di seluruh negara yang berkapasiti sebanyak 41,500 orang pelajar tingkatan 1 hingga 5. Di samping itu, terdapat 2 buah MRSM yang sedang dalam peringkat pembinaan iaitu MRSM Bagan Datuk, Perak dan MRSM Bera, Pahang. MRSM ini dijangka siap dan akan beroperasi pada tahun 2020.

Selain itu, MARA dengan kerjasama Petronas akan membina 2 buah MRSM iaitu MRSM Bintulu, Sarawak dan MRSM Ranau, Sabah bagi menyediakan pendidikan menengah kepada penduduk di Sabah dan Sarawak. MRSM ini dijangka siap pada tahun 2021.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATUK] BN**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 38**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah kutipan hasil penyiaran perlawanan Piala Dunia 2018 yang lalu dan adakah hasil kutipan tersebut mencapai sasaran yang disasarkan oleh pihak Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos hangus penyiaran perlawanan Bolasepak Piala Dunia FIFA 2018 yang lalu adalah sebanyak RM 30.2 juta. Kos tersebut termasuklah kos pembelian hak siaran, kos penerbitan 42 perlawanan dan kos penerbitan 8 program Bual Bicara RTM Chat.
2. Keseluruhan jumlah kutipan tajaan adalah sebanyak RM33.3 juta, iaitu, Maxis Berhad RM18 juta, Air Asia Berhad RM12 juta dan baki sebanyak RM3.3 juta adalah dari tajaan iklan daripada pelbagai syarikat.
3. Sehubungan dengan itu, lebih RM 3.1 juta adalah hasil kepada kerajaan yang telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan.
4. Lebih kutipan itu juga membuktikan bahawa kerajaan telah mencapai sasarannya dari segi mencapai keuntungan pendapatan dan yang paling utama adalah rakyat berpeluang untuk menonton sukan berprestij tersebut secara percuma.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 39**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk meneruskan projek fasa II bagi mengganti baru sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Kudat memandangkan masih terdapat banyak sekolah daif di kawasan saya yang memerlukan perhatian dan tindakan segera.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab memastikan setiap sekolah di Malaysia mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. KPM sentiasa berhubung dnegan pihak agensi pusat yang meluluskan peruntukan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan dalam hasrat untuk memastikan memperoleh peruntukan yang mencukupi untuk terus melaksanakan projek menaik taraf sekolah-sekolah daif. Sekolah-sekolah di pedalaman Sabah turut menjadi keutamaan KPM berdasarkan tahap kedaifan.

Projek naik taraf dan penggantian bangunan sekolah daif di Sabah dilaksanakan mengikut dua (2) fasa, iaitu Fasa 1 tahun 2018 dan Fasa 2

## SOALAN NO 39

tahun 2019. Pada Fasa 1 tahun 2018 sebanyak 120 buah sekolah daif telah mendapat projek gantian bangunan menggunakan sistem IBS yang melibatkan peruntukan lebih kurang RM398.4 juta. Bagi Fasa 2, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telahpun menghantar senarai cadangan yang melibatkan 144 buah sekolah dengan anggaran kos sebanyak RM407.75 Juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah di Parlimen Kudat juga mendapat perhatian KPM. Pada tahun 2018 ini, peruntukan sebanyak RM1.2 juta telah diturunkan untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah di Parlimen Kudat. Enam (6) projek sekolah daif di Parlimen Kudat sedang dalam pelaksanaan adalah SK Palak, SK Perapat Laut, SK Kasagaan, SK Pinggan-Pingan, SK Manggis dan SK Kapitangan.

Sekian, terima kasih.

RJM93

**SOALAN NO : 40**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG**

**KAWASAN : LAWAS**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018, SELASA**

**SOALAN :**

**YB DATO' HENRY SUM AGONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah bahagian Jalan Pan Borneo di daerah Lawas dan Limbang dimulakan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian kini sedang menjalankan penelitian teknikal dan kewangan bagi jajaran alternatif Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Ini selaras dengan hasil lawatan YAB. Perdana Menteri dan perbincangan beliau dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada 2 September hingga 3 September 2018 di mana Kerajaan Malaysia secara prinsip telah bersetuju untuk meminda jajaran Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kepada satu jajaran alternatif yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN  
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan sama ada Malaysia berupaya mencapai tahap Negara Maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kalau tidak apakah langkah teratur, kewangan dan pentadbiran untuk mencapai matlamat ini, sejauh mana kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar Sarawak dan Sabah diambil kira.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan status negara maju berpendapatan tinggi adalah berasaskan tahap minimum Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia pada tahun 2017, iaitu sebanyak AS\$12,056. Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan telah membuat semakan semula ke atas sasaran untuk mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Semakan semula ini mendapati PNK per kapita pada tahun 2020 dijangka mencecah RM47,720 atau AS\$11,700 iaitu terdapat jurang sebanyak lebih kurang 6% di bawah paras pendapatan minimum negara berpendapatan tinggi, sebanyak AS\$12,056. Malaysia dijangka akan mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi hanya menjelang tahun 2024. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi akan dapat direalisasikan lebih awal sekiranya keadaan pertumbuhan ekonomi bertambah baik melalui persekitaran ekonomi luaran yang lebih menggalakkan, pertumbuhan dalam negeri yang dinamik dan nilai ringgit yang lebih kukuh.

Matlamat untuk menjadi negara maju bukan sekadar mencapai tahap negara berpendapatan tinggi kerana pencapaian ini perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, alam sekitar, psikologi, rohani dan sosial. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan keutamaan dan penekanan baharu dasar pembangunan negara, seiring dengan aspirasi pentadbiran baharu menerusi enam tonggak iaitu:

- Pertama : Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam;
- Kedua : Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat;
- Ketiga : Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang;

- Keempat : Memperkasa Modal Insan;
- Kelima : Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau; dan
- Keenam : Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi.

Ahli Yang Berhormat,

Walaupun ekonomi mencatat prestasi yang baik pada peringkat makro, namun Kerajaan menyedari masih wujud isu ketidaksamaan pertumbuhan pembangunan antara negeri. Usaha akan terus diberi untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negeri termasuklah negeri Sabah dan Sarawak. Misalnya, bagi tempoh 2016-2018, negeri Sabah menerima peruntukan tertinggi, iaitu sebanyak RM13.2 bilion atau 9.5% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan negara, manakala negeri Sarawak menduduki tempat kedua tertinggi dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM12.8 bilion atau 9.3% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan.

Usaha secara berterusan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi memastikan penduduk di Sabah dan Sarawak mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan. Ini termasuklah penyediaan rangkaian perhubungan seperti jalan raya dan pengangkutan awam serta infrastruktur asas lain seperti kemudahan air bersih dan terawat.

Di samping itu, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai satu langkah bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi di Sabah. Sehingga suku pertama 2018, SDC telah berjaya membawa masuk sebanyak RM66 bilion pelaburan swasta serta mewujudkan 36,615 peluang pekerjaan di dalam pelbagai bidang. Selain itu, pelaksanaan beberapa projek berimpak tinggi seperti Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay dan Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (Palm Oil Industrial Cluster) di Sandakan dan Lahad Datu

akan menjadi pemangkin kepada perkembangan industri pembuatan di negeri Sabah.

Bagi negeri Sarawak pula, melalui pelaksanaan projek-projek di bawah Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE), sebanyak RM33.6 bilion pelaburan direalisasi telah berjaya dibawa masuk ke negeri Sarawak sejak penubuhan SCORE pada tahun 2008 sehingga suku tahun pertama 2018 serta sejumlah 6,755 pekerjaan baharu pula telah berjaya diwujudkan dalam tempoh tersebut. Antara projek yang bakal menjadi pemangkin kepada ekonomi negeri Sarawak adalah Taman Perindustrian Samalaju dan Hab Halal Tanjung Manis.

Sekian, terima kasih.

13 November 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**  
**TARIKH JAWAPAN : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 42**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM DAN** menyatakan sejajar dengan Majlis Sains Negara (NSC), apakah tindakan susulan yang telah dilakukan untuk mengukuhkan ekosistem STI melalui penggubalan Pelan Induk STI Negara 2020-2030, Inisiatif Foresight Kebangsaan dan kajian semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MESTECC melalui Akademi Sains Malaysia (ASM) sedang menjalankan **Kajian Semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013-2020** dan **Kajian Pelan Induk STI Negara 2020-2030 (STIMP)**. Kedua-dua kajian ini masih berjalan dan dijangka selesai dalam **suku tahun pertama 2019**.

**Kajian Semula DSTIN** akan menggariskan penemuan dan pencapaian dasar-dasar STI semasa untuk membantu penggubalan Dasar STI Negara yang baharu bagi tempoh 2021 hingga 2030. **Kajian Pelan Induk STI Negara 2020-2030** pula akan menyediakan pelan pembangunan dan aktiviti STI peringkat nasional secara lebih tersusun dan berintegrasi dengan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Pelan ini akan mengarusperdana STI ke arah pembangunan sosioekonomi selepas 2020 melalui penyatuan dasar-dasar dan pelan-pelan negara yang berkaitan STI.

Kajian-kajian dasar ini turut disokong melalui **Inisiatif Foresight Kebangsaan 2050** yang mengenal pasti trend mega dan risiko global yang memberi impak kepada Malaysia serta ini melakarkan senario-senario dalam jangka masa panjang menjelang tahun 2050.

Kajian-kajian ini mengambil kira aspek penting iatu:

- (a) **Pertamanya** adalah keperluan pendekatan berasaskan bukti (*evidenced-based*) dan penetapan hala tuju STI negara berpaksikan data (*data driven decision making*) yang relevan;
- (b) Perkara **kedua** adalah sinergi antara kesemua dasar dan pelan yang berkaitan STI bagi memastikan STI dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat. Sebagai contoh, terdapat lebih daripada 100 dasar nasional dan 48 daripadanya mempunyai elemen berkaitan STI. Selain itu, 77 pelan halatuju atau '*blueprint*' nasional telah dirujuk dalam membangunkan kedua-dua kajian Pelan Induk STI Negara 2020-2030 dan DSTIN 2021-2030 tersebut; dan

- (c) **ketiga** adalah penumpuan fokus masa hadapan (*future focus*) di mana pemahaman tren global, risiko masa hadapan dan teknologi disruptif adalah penting untuk persediaan negara menangani cabaran kini dan masa hadapan.

Yang Berhormat, semua kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diteliti oleh MESTECC untuk mengenal pasti jurang semasa, mengkaji amalan terbaik dan hasil konsultasi bersama Kementerian dan jabatan bagi mencapai kaedah dan mekanisme dalam memastikan aspirasi agenda STI negara dapat dimantapkan. Hasil-hasil kajian ini juga telah melalui proses libat urus bersama pemegang taruh, sektor swasta dan sektor akademik.

Hasil dan laporan Kajian ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri bagi menetapkan hala tuju STI negara dan memantau kemajuan pelaksanaan program dan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C).

Berlandaskan ini, strategi yang efektif dan pelan tindakan akan diperhalusi, pelarasan keutamaan (*prioritisation*) juga akan dijalankan untuk memperkasa ekosistem dengan lebih efektif, menyeluruh dan saling berkait dari segi bakat, sumber serta pembangunan dan penyelidikan supaya STI dapat dimanfaatkan ke arah pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat yang mantap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**  
**[REMPAU]**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 43**

**Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMPAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini permohonan Kerajaan Malaysia bagi mendapatkan pinjaman kewangan dalam mata wang Yen dari negara Jepun serta apakah syarat-syarat yang telah dipersetujui antara kedua-dua buah negara bagi merealisasikan pinjaman ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam membuat pinjaman dari sumber luar pesisir, Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] yang mengehadkan pinjaman terkumpul luar pesisir pada RM35 bilion. Kerajaan juga akan memastikan pendedahan yang minima kepada risiko tukaran mata wang asing di mana sehingga akhir Jun 2018, hanya RM21.1 bilion atau 2.9% sahaja daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dalam beberapa denominasi mata wang asing.
2. Penerbitan bon/sukuk global dalam mata wang asing adalah bagi menampung perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang Kerajaan atau hutang syarikat Kerajaan. Di samping itu, pinjaman luar pesisir juga dapat meningkatkan kepelbagaian sumber pinjaman serta mewujudkan penanda aras (*benchmark*) baharu bagi instrumen pinjaman Kerajaan dan sektor swasta di pasaran global.
3. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan Jepun telah menawarkan fasiliti kredit semasa lawatan YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos yang lalu sebanyak JPY200 bilion dengan jaminan diberi oleh *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) dan jangkaan kadar kupon pada 0.65%. Dengan penarafan berdaulat pada A-, tahap kredit negara adalah baik dan berada dalam kategori gred pelaburan, seterusnya memberi kelebihan penerbitan. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan sedang menerokai peluang untuk menerbitkan bon atau sukuk dalam mata wang asing meliputi bukan hanya mata wang yen, malah dolar AS atau mata wang asing lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR HJ ISMAIL BIN HJ ABD  
MUTTALIB (MARAN)**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2018**

**RUJUKAN : 11100**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terbaharu berkenaan permit khas bagi pengambilan terus pembantu rumah warga asing oleh majikan seperti yang diumumkan semasa Bajet 2018. Berapakah statistik permit yang telah dikeluarkan dan adakah terdapat sebarang kes penyalahgunaan permit ini bagi tujuan yang tidak sepatutnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Perkhidmatan permohonan Pembantu Rumah Asing (PRA) secara terus oleh majikan melalui Sistem *Maid Online* (SMO) secara dalam talian masih diteruskan sejak pelaksanaannya bermula pada 1 Januari 2018. Sehingga 14 Oktober 2018, sebanyak 125,874pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di bawah permohonan melalui sistem tersebut.

Pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memandang serius dan mengambil tindakan tegas terhadap PRA serta pihak Majikan sekiranya terdapat isu penyalahgunaan PLKS yang dikeluarkan kepada PRA. Tindakan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 boleh diambil yang mana jika disabitkan kesalahan warga asing tersebut boleh didenda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Manakala pihak Majikan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 55B dan Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 Pindaan 2002 jika disabitkan kesalahan denda minimum RM10,000 – RM50,000 bagi seorang pekerja atau penjara tidak lebih 5 tahun atau hukuman rotan kurang dari 6 kali sebatan jika lebih atau kedua-duanya sekali.